



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

2022

# Modul MyAzam SEJARAH SPM



#jpnmelakajenamakerajaannomborsatu

Sekapur Sirih  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Sains Sosial



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya diberi ruang untuk merakamkan penghargaan atas usaha murni dalam penghasilan **Modul MyAzam Sejarah SPM 2022** untuk sekolah-sekolah negeri Melaka buat kali yang pertama bagi tahun 2022.

Menyedari kepentingan subjek Sejarah sebagai syarat wajib lulus, maka peningkatan prestasi mata pelajaran Sejarah menjadi agenda utama jabatan. Penghasilan **Modul MyAzam Sejarah SPM 2022** ini amat penting bagi memastikan tahap profesionalisme guru-guru Sejarah untuk memacu kegemilangan Melaka dalam mata pelajaran Sejarah.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang memberi sumbangan idea dan buah fikiran yang konstruktif dalam penghasilan **Modul MyAzam Sejarah SPM 2022**. Harapan saya agar semua guru Sejarah dapat menggunakan **Modul MyAzam Sejarah SPM 2022** ini secara inovatif selaras dengan amalan pendidikan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Sekian.

Puan Khadijah Binti Ahmad  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Sains Sosial  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Melaka.

## ISI KANDUNGAN

| BIL                | BAB           | TAJUK  | MUKA SURAT     |
|--------------------|---------------|--|----------------|
| 1                  |               | <b>Sekapur Sirih</b>   | 2              |
| 2                  |               | <b>Panel Pembina Modul MyAzam Sejarah SPM 2021 dan Panduan Penggunaan</b>              | 4-5            |
| <b>TINGKATAN 4</b> |               |  |                |
| 3                  | <b>Bab 1</b>  | <b>WARISAN NEGARA BANGSA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                               | 6-7<br>8-10    |
| 4                  | <b>Bab 2</b>  | <b>KEBANGKITAN NASIONALISME</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                            | 11-13<br>14-16 |
| 5                  | <b>Bab 3</b>  | <b>KONFLIK DUNIA &amp; PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B | 17-19<br>20-23 |
| 6                  | <b>Bab 4</b>  | <b>ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B          | 24-25<br>26-28 |
| 7                  | <b>Bab 5</b>  | <b>PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                       | 29-30<br>31-33 |
| 8                  | <b>Bab 6</b>  | <b>ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B          | 34-35<br>36-38 |
| 9                  | <b>Bab 7</b>  | <b>USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                           | 39-40<br>41-43 |
| 10                 | <b>Bab 8</b>  | <b>PILIHAN RAYA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B  | 44-45<br>46-49 |
| 11                 | <b>Bab 9</b>  | <b>PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B          | 50-51<br>52-54 |
| 12                 | <b>Bab 10</b> | <b>PEMASYHURAN KEMERDEKAAN</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                             | 55-57<br>58-60 |
| <b>TINGKATAN 5</b> |               |  |                |
| 13                 | <b>Bab 1</b>  | <b>KEDAULATAN NEGARA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                                   | 61-62<br>63-65 |
| 14                 | <b>Bab 2</b>  | <b>PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                            | 66-67<br>68-70 |
| 15                 | <b>Bab 3</b>  | <b>RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B      | 71-72<br>73-75 |
| 16                 | <b>Bab 4</b>  | <b>SISTEM PERSEKUTUAN</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                                  | 76-77<br>78-81 |

|    |        |  |                    |
|----|--------|--|--------------------|
| 17 | Bab 5  | <b>PEMBENTUKAN MALAYSIA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                    | 82-84<br>85-88     |
| 18 | Bab 6  | <b>CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B    | 89-90<br>91-93     |
| 19 | Bab 7  | <b>MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B            | 94-95<br>96-98     |
| 20 | Bab 8  | <b>MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B               | 99-100<br>101-103  |
| 21 | Bab 9  | <b>DASAR LUAR MALAYSIA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B                     | 104-105<br>106-109 |
| 22 | Bab 10 | <b>KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA</b><br>Bahagian A<br>Bahagian B | 110-111<br>112-114 |
| 23 |        | <b>JAWAPAN BAHAGIAN A</b>  | 115-116            |

## Panduan Penggunaan

- **Modul MyAzam** ini disediakan berdasarkan analisis soalan Sejarah SPM 2021 sebagai panduan untuk murid meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah SPM 2022.
- Modul soalan ini boleh membantu murid-murid membuat latihan berfokus yang berformatkan soalan Sejarah SPM 2021.
- Murid-murid digalakkan berbincang dalam kumpulan.
- Murid-murid juga perlu berbincang jawapan dengan guru atau menyemak terus dari modul jawapan selepas menyiapkan latihan daripada modul ini.
- Murid-murid digalakkan membuat latihan daripada modul ini beberapa kali bagi mengukuhkan penguasaan sehingga menjelang peperiksaan Sejarah SPM 2022.

**SEMOGA BERJAYA**

**PANEL PEMBINA MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2022 NEGERI MELAKA:**

|  |   |   |
|--|---|---|
| En. Roslani Bin Maskan                 | : | SMK Padang Temu, Melaka                         |
| En. Md Muzaini Bin Said                | : | SMK Lubok China, Melaka                         |
| En. Zamani Bin Abu Hashim              | : | SMK Simpang Bekoh, Asahan, Melaka               |
| En. Lim Chin Guan                      | : | SMJK Pulau Sebang, Alor Gajah                   |
| En. Azlan Bin Mohamad Gazi             | : | SMK Datuk Abdul Rahman Ya'kub,<br>Merlimau      |
| En. Mohd Sukri Bin Sharif              | : | SMK Paya Rumput Melaka                          |
| En. Rama Chendra Govindasamy           | : | Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh                  |
| En. Ahmad Nor Iman Bin Shawal          | : | SMK Kampung Gelam, Melaka                       |
| Tn. Hj. Mohd Shah Bin Mahbub           | : | SMK Sultan Mansor Shah, Melaka                  |
| En. Anuar Bin Mat                      | : | SMK Seri Mahkota, Merlimau, Melaka              |
| Pn. Hajah Yuriza Binti Muhammad        | : | SMK (A) Sharifah Rodziah, Telok Mas,<br>Melaka  |
| Pn. Norizah Binti Adam                 | : | SMK Seri Tanjong, Melaka                        |
| Dr Mohd Shahrul Azha Bin Mohd Sharif   | : | Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah,<br>Melaka |
| Pn. Hajah Mazni Binti Naim             | : | SMK Telok Mas, Melaka                           |
| Pn. Haniza Binti Mat Hassan            | : | MRSM Terendak, Sungai Udang                     |
| Pn. Norsaliza Binti Mohd. Zain         | : | MRSM Alor Gajah. Alor Gajah                     |
| Pn. Noorwati Binti Suleiman            | : | Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah,<br>Melaka |
| Pn. Umi Yasirah Arafah Binti Mat Zain  | : | SMK Bukit Baru, Melaka                          |
| Dr. Zarina Begam binti Abdul Kadir     | : | MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin                     |
| En. Mohd. Mahadir bin Mat Ali @ Othman | : | SMA JAIM Darul Falah, Alor Gajah                |
| Pn. Nimarni binti Bahrom               | : | SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa, Jasin         |
| Pn. Masrina binti Mohammad             | : | SMK Tun Haji Abdul Malek                        |

**PENASIHAT MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2021 NEGERI MELAKA :**

|                               |   |  |
|-------------------------------|---|--|
| Puan Khadijah Binti Ahmad     | : | KPPK UNIT SAINS SOSIAL   |
| Dr. Mohd Aras bin Khamis      | : | Penolong Pengarah Unit Sains Sosial<br>Jabatan Pendidikan Melaka |
| Encik Tarmugi Bin Mispami     | : | Penolong Pengarah Unit Sains Sosial<br>Jabatan Pendidikan Melaka |
| Cik Hjh Noora bt Abu Bakar    | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD<br>Melaka Tengah              |
| Encik Mazlan bin Mohammad     | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD<br>Melaka Tengah              |
| Encik Farouk Bin Maidin       | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Alor<br>Gajah                 |
| Encik Mohd Alfouzi Bin Nasir  | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Jasin                         |
| Encik J Sham Bin Wahid        | : | SISC+ PPD Melaka Tengah  |
| Encik Abd Aziz Bin Mohd Rasol | : | SISC+ PPD Melaka Tengah  |
| Puan Nor Azlina Sidek         | : | SISC+ PPD Melaka Tengah  |
| Puan Norliyen Binti Ahmad     | : | SISC+ PPD Jasin  |
| Puan Mahfuzah Binti Mohd Noh  | : | SISC+ PPD Jasin  |
| Hjh Pauziah Bt Othman         | : | SISC+ PPD Alor Gajah   |
| Puan Aliza Binti Abd Rahman   | : | SISC+ PPD Alor Gajah   |

## TINGKATAN 4 - BAHAGIAN A

### 1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1. Namakan undang-undang yang terdapat dalam Kerajaan Majapahit? (Ms 4)

- A Waadat
- B Kutara Manawa
- C Undang-undang Manu
- D Undang-undang Majapahit

2. Kerajaan manakah yang menjalankan upacara persetiaan di Telaga Batu? (Ms 4)

- A Chih Tu
- B Champa
- C Srivijaya
- D Majapahit

3. Antara berikut, kerajaan manakah yang mewarisi Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 5)

- A Kerajaan Champa
- B Kerajaan Srivijaya
- C Kerajaan Majapahit
- D Kerajaan Johor-Riau

4. Empayar yang manakah terbentuk pada abad ke 15 di Alam Melayu? (Ms 5)

- A Kerajaan Champa
- B Kerajaan Srivijaya
- C Kerajaan Majapahit
- D Kesultanan Melayu Melaka

### 1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

5. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 6)

- A Waadat
- B Kerajaan
- C Cap Mohor
- D Kawasan Pegangan

6. Apakah yang dimaksudkan dengan wilayah taklukan? (Ms 7)

- A Dikurniakan oleh Sultan
- B Diperolehi melalui peperangan
- C Diperolehi melalui perkahwinan
- D Pertukaran wilayah antara kerajaan

7. Manakah antara berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 7)

- I Raja
- II Rakyat
- III Telaga Batu
- IV Kutara Manawa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

### 1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

8. Dua buah undang-undang yang diperkenalkan Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka ialah (Ms 7)

- I Hukum Kanun Melaka
- II Hukum Kanun Johor-Riau
- III Undang-undang Johor-Riau
- IV Undang-undang Laut Melaka

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Apakah sistem pentadbiran yang diamalkan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 8)

- A Waadat
- B Kutara Manawa
- C Wilayah Pengaruh
- D Sistem Pembesar Empat Lipatan

10. Manakah menunjukkan tugas Bendahara dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 9)

- I Menjadi ketua negara
- II Menjadi ketua pentadbir
- III Menjadi pemangku Sultan
- IV Menjamin perpaduan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Soalan 11 berdasarkan maklumat dibawah

Hukum Kanun Melaka

Yang manakah bukan isi kandungan dalam undang-undang di atas? (Ms 10)

- I Jenayah
  - II Ekonomi
  - III Tugas Nakhoda
  - IV Hasil bumi negeri
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

12. Peranan nakhoda dalam Undang-undang Laut Melaka ialah (Ms 11)

- A Memungut cukai perniagaan
- B Mencari tempat persinggahan
- C Mengetuai rombongan dagang
- D Berkuasa penuh dalam pelayaran

**1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat**

13. Bagaimanakah golongan pemerintah memainkan peranannya dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 12)

- A Menjadi pemungut cukai
- B Menyumbang tenaga kerja
- C Mengetuai aktiviti ekonomi
- D Menjaga keselamatan rakyat

14. Apakah yang dimaksudkan dengan Waadat? (Ms 13)

- A Derhaka
- B Perjanjian
- C Kedaulatan
- D Kawasan Pegangan

15. Apakah yang boleh dikaitkan dengan kesan tidak taat kepada Raja? (Ms 13)

- A Tulah
- B Waadat
- C Derhaka
- D Persetiaan

16. Peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka adalah seperti berikut. (Ms 13)

- I Menjadi tentera
- II Menghadiri majlis umum
- III Mewujudkan rasa perpaduan
- IV Mengutip hasil melalui sistem serah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Apakah balasan yang akan ditimpa oleh rakyat sekiranya menderhakai Raja dalam Kesultanan Melayu Melaka? (Ms 13)

- A Ditimpa tulah
- B Dimurkai Sultan
- C Melanggar waadat
- D Menjalani hukuman bunuh

18. Bagaimanakah rakyat dapat menghindarkan diri daripada ditimpa tulah? (Ms 13)

- A Memelihara keamanan
- B Mematuhi undang-undang
- C Tidak derhaka kepada Raja
- D Mengetatkan perpaduan masyarakat

19. Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu Melaka. (Ms 13)

Menunjukkan taat setia kepada pemerintah

Maklumat tersebut menjelaskan...

- A Peranan rakyat
- B Kebesaran kerajaan
- C Kemasyhuran kerajaan Melaka
- D Hubungkait pemerintah dan rakyat


20. Hubungan baik antara Raja dengan rakyat penting kerana .. (Ms 13)

- A Melambangkan identiti
- B Mengukuhkan ekonomi kerajaan
- C Menjamin kesejahteraan kerajaan
- D Melaksanakan undang-undang adil dan saksama

**BAHAGIAN B**

**1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka (Ms 6)**

1. Rajah berikut menunjukkan hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka



Rajah 1

(a) Nyatakan golongan X dan Y?

X : .....

Y : .....

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan rakyat dalam sistem sosial Kesultanan Melayu Melaka?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Undang-undang dapat menjamin kesejahteraan sesebuah negara. Buktikan

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (a)
- Pemerintah/Sultan/Raja
  - Diperintah/Rakyat

- (b)
- Menumpahkan taat setia kepada Sultan Melaka
  - Mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan
  - Mewujudkan persefahaman dan ikatan antara golongan pemerintah dengan golongan diperintah
  - Mengakui kekuasaan sultan

- (c)
- Mengelakkan penjajahan asing ke negara kita.
  - Menjaga hak dan kepentingan semua rakyat
  - Mendisiplinkan rakyat
  - Mengurangkan kadar jenayah dalam negara
  - Menjamin keselamatan rakyat

*Mana-mana jawapan munasabah*




**Wilayah Taklukan**

Wilayah yang diperoleh melalui peperangan. Contoh wilayah taklukan ialah Pahang, Kuala Linggi, Kelantan dan Rokan.

**1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang (Ms 8)**

2. Rajah berikut menunjukkan Sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Rajah 2

(a) Apakah X dan Y?

(i) X : .....

(ii) Y : .....

[2 markah]

(b) Terangkan tanggungjawab X dalam sistem pentadbiran tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah Sistem Pembesar Empat Lipatan dianggap satu sistem yang unggul?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(a)  
X- Bendahara  
Y- Laksamana

- (b) **Bendahara**
- Ketua Pentadbir
  - Ketua Turus Angkatan Tentera
  - Menasihati Sultan
  - Pemangku Sultan

- (c)
- Sistem politik yang stabil
  - Pembesar tahu peranan masing-masing
  - Mengelakkan pertindihan kuasa
  - Melahirkan sifat tanggungjawab
  - Menjamin keselamatan rakyat
  - Mana-mana jawapan munasabah



**Sistem Pembesar Empat Lipatan**

Sebuah sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Menjadikan sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka lancar. Sultan memberikan sesebuah wilayah kepada pembesar Berempat yang dikenali sebagai kawasan pegangan.



## BAHAGIAN A

### BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

#### 2.1 Maksud Nasionalisme

1 Pernyataan berikut merupakan maksud nasionalisme yang diberikan oleh seorang tokoh sejarawan negara kita.

Dalam konteks Melayu, sebelum merdeka, nasionalisme digunakan untuk merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali

Tokoh sejarawan tersebut ialah **Ms 23**

- A. Dr. R. Suntharalingam
- B. Dr. Burhanuddin al-Helmi
- C. Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid
- D. Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

#### 2.2 Perkembangan Nasionalisme

2 Apakah isu yang diperjuangkan dalam gerakan nasionalisme berikut? **Ms 24-25**

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

- A. Menghalau kuasa asing
- B. Menyekat kuasa pihak gereja
- C. Menentang pemerintahan beraja
- D. Menghapuskan golongan bangsawan

3 Revolusi Amerika (1776) merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British. Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

**Ms 25**

- A. Hak berpolitik disekat
- B. Hak penduduk tidak dilindungi
- C. Tiada keadilan di mahkamah
- D. Tiada perwakilan dalam kerajaan

#### 2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia

4 Bagaimanakah Mahatma Ghandi melakukan penentangan terhadap British di India? **Ms 26**

- A. Melaksanakan ideologi komunis
- B. Melakukan pemberontakan bersenjata
- C. Mengamalkan dasar tidak bekerjasama
- D. Menggerakkan perjuangan secara militan

5 Mengapakah masyarakat China hilang kepercayaan terhadap pemerintahan Dinasti Manchu? **Ms 26**

- A. Kegagalan menjaga kebajikan rakyat
- B. Peningkatan masalah rasuah
- C. Peluasan pengaruh Barat
- D. Kelemahan pentadbiran

6 Apakah yang membuktikan pengaruh gerakan Pan Islamisme mendapat sokongan umat Islam di Tanah Melayu? **Ms 27**

- A. Penubuhan madrasah
- B. Kebangkitan pembesar tempatan
- C. Keluasan wilayah Islam bertambah
- D. Pembentukan kerajaan Islam

7 Maklumat berikut berkaitan dengan nasionalisme di Asia.

- Nasionalisme di India
- Nasionalisme di China
- Nasionalisme di Jepun

Apakah kesan gerakan nasionalisme tersebut? **Ms 26-27**

- A. Membentuk negara bangsa
- B. Menjadi kuasa imperialisme
- C. Menamatkan penjajahan kuasa asing
- D. Memulihkan kuasa golongan bangsawan

#### 2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

8 Apakah langkah yang dilakukan oleh Jose Rizal untuk mendesak kerajaan Sepanyol menjadikan Filipina sebahagian daripada wilayah Sepanyol?

**Ms 28**

- A. Menubuhkan Liga Filipina
- B. Bekerjasama dengan kuasa luar
- C. Berkempen untuk meraih sokongan
- D. Melancarkan pemberontakan bersenjata

9 Nasionalisme di Burma (Myanmar) bermula apabila golongan Thakin menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906. Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut? **Ms 29**

- A. Melancarkan revolusi
- B. Mengekalkan tradisi agama
- C. Memperjuangkan kemerdekaan
- D. Membela nasib golongan pemuda

10 Parti politik berikut terlibat dalam gerakan nasionalisme di Vietnam selepas Perang Dunia Pertama.

- Parti Nasionalis Vietnam
- Parti Komunis Vietnam

Apakah persamaan perjuangan parti-parti tersebut? **Ms 29**

- A. Berteraskan demokrasi
- B. Berfahaman sosialisme
- C. Berjuang secara revolusi
- D. Bertindak berasaskan rundingan

11 Apakah tujuan nasionalisme di Thailand?

**Ms 31**

- A. Menentang penjajahan
- B. Mengusir kuasa asing
- C. Mempertahankan kedaulatan negara
- D. Melaksanakan pemerintahan demokrasi

## 2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

12 Maklumat berikut menunjukkan pemimpin tempatan yang menentang penjajah Barat pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

- Penghulu Dol Said
- Tok Janggut
- Rentap

Apakah ciri-ciri perjuangan pemimpin tempatan tersebut? **Ms 33**

- I Bersifat setempat
- II Menuntut kebebasan
- III Menggunakan akhbar
- IV Bergerak secara sederhana

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

13 Tokoh-tokoh berikut memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20

- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)
- Abdul Rahim Kajai
- Hajah Zainon Munshi Sulaiman (Ibu Zain)

Bagaimanakah mereka berjaya menaikkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu?

**Ms 33**

- A. Menghasilkan penulisan kreatif
- B. Menentang golongan penjajah
- C. Mengadakan ceramah umum
- D. Menubuhkan parti politik

## 2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

14 Senarai berikut merupakan hasil karya Ishak haji Muhammad (Pak Sako)

- Putera Gunung Tahan
- Anak Mat Lela Gila

Bagaimanakah karya tersebut memberikan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu?

**Ms 34**

- I Menyindir penjajah
- II Mengkritik pembesar
- III Memperjuangkan pendidikan
- IV Mengutamakan kebebasan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

15 Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) telah mewujudkan Pejabat Karang Mengarang yang diketuai oleh Za'ba.

Apakah kejayaan yang dicapai oleh pejabat tersebut? **Ms 37**

- A. Penyatuan rumpun bangsa
- B. Meningkatkan pendidikan tidak formal
- C. Membangkitkan semangat kebangsaan
- D. Perkembangan pelbagai bidang ilmu

## 2.7 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

16 Tokoh pendidikan agama telah berjaya membangkitkan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu.

Bagaimanakah kesedaran tersebut dibangkitkan? **Ms 36**

- A. Membentuk parti politik
- B. Menggunakan kekerasan
- C. Melalui rundingan
- D. Menubuhkan madrasah

17 Akhbar-akhbar berikut diterbitkan oleh kaum Cina dan India di Tanah Melayu.

| Kaum  | Nama Akhbar |
|-------|-------------|
| Cina  | Lat Pau     |
| India | Tamil Nesan |

Apakah isu yang ditekankan dalam penulisan akhbar tersebut pada peringkat awal? **Ms 38**

- A. Menyuburkan semangat cinta akan negara
- B. Memupuk semangat kerjasama penduduk
- C. Melindungi kepentingan kaum sendiri
- D. Meningkatkan taraf hidup rakyat

18 Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) telah ditubuhkan pada tahun 1934 di Pulau Pinang bagi menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat. Bagaimanakah PASPAM merealisasikan matlamat tersebut? **Ms 40**

- A. Menerbitkan akhbar
- B. Menganjurkan kongres
- C. Melancarkan demonstrasi
- D. Menubuhkan institusi pendidikan

### 2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme

19 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pertubuhan kebajikan di Singapura.

Al-Jamiah al-Khairiah

Apakah kesan penubuhan pertubuhan tersebut? **Ms 42**

- A. Meningkatkan taraf hidup
- B. Memajukan pendidikan wanita
- C. Memupuk hubungan setia kawan
- D. Membangkitkan semangat berniaga

20 Akhbar *Bulan Melayu* telah diterbitkan pada tahun 1930.

Mengapakah penerbitan akhbar tersebut penting kepada perkembangan nasionalisme di negara kita? **Ms 43**

- A. Mengikis sikap malas berusaha
- B. Merebut peluang jawatan kerajaan
- C. Memuatkan berita pendidikan wanita
- D. Menyuarakan kepentingan berdakwah

**BAHAGIAN B**

**2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara**

1. Nasionalisme di Thailand yang dipelopori oleh Raja Thailand bertujuan menjadikan Thailand negara yang bebas dari penjajahan kuasa Barat.

(a) Namakan **dua** orang Raja Thailand yang melakukan pemodenan pentadbiran di Thailand.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan pemodenan pentadbiran yang dilakukan oleh tokoh dalam 1 (a)

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[ 4 markah ]

(c) Sekiranya anda seorang pemimpin, bagaimanakah anda dapat memodenkan pentadbiran di negara kita?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[ 4 markah ]

**Ms 31**

- (a)  
 i. Raja Mongkut  
 ii. Raja Chulalongkorn

**Ms 31**

- (b) **Raja Mongkut**
- Memulakan langkah pemodenan
  - Melaksanakan birokrasi Barat
  - Membawa masuk penasihat Barat untuk latih pegawai tempatan
  - Dalam bidang kewangan/pelabuhan/kastam/ketenteraan/polis
  - Membawa masuk guru dari barat
  - Melaksanakan pendidikan Barat
- Raja Chulalongkorn**
- Meneruskan pemodenan negara/dasar terbuka
  - Menjadikan Thailand bebas dari penjajahan

- (c)
- Melakukan inovasi dalam pentadbiran
  - Mengurangkan karenah birokrasi
  - Mengelakkan amalan rasuah / korupsi
  - Mengamalkan amalan Bersih, Cekap dan Amanah
  - Melahirkan lebih ramai pakar / golongan berpendidikan
  - Menggalakan penguasaan kemahiran dalam pelbagai bidang

*Mana-mana jawapan yang munasabah*



- **Thailand**  
 Nama asal ialah Siam. Pada tahun 1939, Siam ditukarkan kepada Thailand yang bermaksud "Tanah Bebas".
- **Birokrasi Barat di Thailand**
  - Membawa masuk 80 orang penasihat Barat
  - Penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dari Britain
  - Penasihat kastam dari Amerika Syarikat
  - Penasihat ketenteraan dari Perancis

## 2.7 Perkembangan Nasionalisme

2 Pergerakan nasionalisme di negara kita dipelopori oleh golongan intelektual yang berjaya membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan rakyat.

- (a) Namakan **tiga** orang tokoh intelektual berpendidikan agama
- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah ]

(b) Nyatakan tuntutan intelektual berpendidikan Inggeris kepada kerajaan British.

- .....
- .....
- .....
- .....

[3 markah ]

(c) Mengapakah golongan intelektual penting dalam pembangunan negara?

- .....
- .....
- .....
- .....
- .....
- .....
- .....

[ 4 markah ]

### Ms 36 - 37

- (a)
- i. Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin
- ii. Syed Sheikh al-Hadi
- iii. Haji Abbas Mohd Taha

### Ms 37

- (b)
- i. Hak mendapatkan pendidikan bagi orang Melayu
- ii. Memperbaiki taraf hidup orang Melayu
- iii. Membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan

- (c)
- i. Menjadi kumpulan pemikir
- ii. Menyusun strategi membangunkan negara
- iii. Merancang dasar negara
- iv. Mengekalkan kedaulatan negara
- v. Memastikan keamanan negara
- vi. Menjamin perpaduan kaum
- vii. Mengelakkan pergaduhan antara kaum
- viii. Menggerakkan kemajuan ekonomi negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*



### Akhbar Al-Imam

- Diterbitkan pada 23 Julai 1906.
- Mengandungi garapan idea ulama yang menyeru umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan berpandukan al-Quran dan Hadis.
- Memuatkan perselisihan pendapat antara Kaum Muda dengan Kaum Tua tentang beberapa isu yang berkaitan dengan agama.
- Berkembang di Negeri-negeri Selat dan kawasan lain di Alam Melayu.

### Akhbar Neracha

- Lantang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap penjajah British.
- Mengkritik sikap dan mentaliti masyarakat pada masa itu yang perlu dibangunkan melalui pendidikan dan tafsiran Islam yang lebih progresif.



## BAHAGIAN A

### BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

#### 3.1 : Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia

1



Mengapakah beliau melakukan penentangan terhadap British? **Ms 52**

- A Memperjuangkan pemerintahan beraja
- B Mempertahankan agama Islam
- C Mengekalkan warisan bangsa
- D Menuntut kemerdekaan

2

“Cerita Tekukur” merupakan pernyataan politik kemerdekaan yang disampaikan secara berselindung di sebalik wajah dan pelaku haiwan.

Apakah maksud disebalik cerita tersebut?

**Ms 53**

- A Halangan pemerintah
- B Kemerdekaan tanah air
- C Penguatan semangat jihad
- D Kemunduran ekonomi rakyat

#### 3.2 : Latar belakang Perang Dunia

3 Maklumat merujuk kepada Pakatan Ketenteraan yang wujud sebelum Perang Dunia Pertama.

Pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.

Apakah kesan penubuhan pakatan tersebut ?

**Ms 54**

- A Pengiktirafan kuasa besar
- B Penguatan sistem beraja
- C Peningkatan ekonomi dunia
- D Persaingan meluaskan jajahan

4

Apakah faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ( 1914-1918)

**Ms 57**

- A Kejatuhan Kerajaan Turki
- B Keruntuhan pemerintahan beraja
- C Pembentukan negara baharu
- D Pembunuhan pewaris Austria-Hungary

#### 3.3 : Perang Dunia Kedua

5. Apakah kesan peristiwa berikut ? **Ms 58**

Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919

- A Pelaksanaan gajatan senjata
- B Pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- C Mencetuskan Perang Dunia Kedua
- D Menyatukan negara bergolak

6 Negara-negara tersebut ditakluk melalui


Poland, Denmark, Norway, Belanda

**Ms 60**

- A Operasi Barbarossa
- B Operasi Blitzkrieg
- C Operasi Hammer
- D Operasi Kod D-Day

#### 3.4 : Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

7 Rajah berikut berkaitan dengan Dasar Perluasan Jepun.



Apakah X ?

**Ms 64**

- A Sekatan ekonomi Barat
- B Orde Baharu Asia
- C Pakatan Tiga Negara
- D Persaingan kuasa Barat

8 Jepun telah menandatangani perjanjian dengan Jerman dan Itali serta terikat dengan Kuasa Paksi. Apakah perjanjian tersebut ? **Ms 65**

- A Pakatan NATO
- B Pakatan Asia Pasifik
- C Pakatan Tiga Negara
- D Pakatan Bersekutu

9 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang kawasan  
**Ms 67**

- A Pearl Harbour, Hawaii
- B Manchuria, China
- C Singgora, Thailand
- D Miri, Sarawak

**3.5 : Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita**

10

“Asia untuk Orang Asia”

Mengapakah Jepun menggunakan slogan tersebut ?  
**Ms 68**

- A Memudahkan pentadbiran
- B Memudahkan urusan ekonomi
- C Membentuk kebudayaan bangsa
- D Menanamkan semangat antipenjajah



11 Apakah kepentingan lokasi X kepada Jepun?  
**Ms 69**

- A Memajukan ekonomi
- B Melambangkan kehebatan
- C Menamatkan peperangan
- D Melengkapkan misi serangan

**3.6 : Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita**


12 Pernyataan berikut berkaitan dengan pentadbiran Jepun di negara kita.

Pengiktirafan terhadap Raja-raja Melayu dibuat semasa Persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan ...

Apakah kesan terhadap Raja-raja Melayu ?  
**Ms 71**

- A Bayaran pencen dikekalkan
- B Pentadbiran tradisional diteruskan
- C Kedudukan pemerintah diperkukuh
- D Undang-undang negeri dilaksanakan

13 Gambar berikut merupakan karya semasa zaman pendudukan Jepun.



Apakah isu yang dibangkitkan dalam karya tersebut ?  
**Ms 73**

- A Perpaduan kaum
- B Pendidikan rakyat
- C Kemajuan ekonomi
- D Kekejaman tentera

**3.6 : Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun**

Nama : Pasukan X  
Tempat : Singapura  
Tugas : Menjalankan kerja sabotaj dan perang gerila terhadap Jepun

Apakah X? **Ms 75**

- A Gerila Melayu
- B Force 136
- C MPAJA
- D Zipper

15 Pernyataan berikut menggambarkan usaha gerakan Anti-Jepun di Sabah

Pemberontakan Jesselton yang juga dikenali sebagai *Double Tenth* merupakan penentangan terhadap pendudukan tentera Jepun.

Siapakah pemimpin yang terlibat dalam pemberontakan tersebut ?  
**Ms 79**

- A Tengku Mahmood
- B Albert Kwok
- C Zakaria Gunn
- D Gurchan Singh

**3.8 : Perkembangan Gerakan Nasionalisme  
Tempatan dan Pendudukan Jepun**

16 Mengapakah Jepun membubarkan Kesatuan Melayu Muda KMM ?

**Ms 80**

- A Mendapatkan sokongan British
- B Anggota sukarela kepada Jepun
- C Tiada kerjasama dalam pentadbiran
- D Pemimpinnya menuntut kemerdekaan

17 Petikan berikut merupakan matlamat Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)

“Mencapai kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia melalui semangat *Asia untuk Asia*”

Mengapakah matlamat tersebut tidak dapat dilaksanakan?

**Ms 81**

- A Kekalahan tentera Jepun
- B Kemerdekaan Indonesia
- C Kegawatan ekonomi
- D Kebangkitan rakyat

18 Pengalaman menjawat jawatan tertinggi memberi kesedaran politik kepada peribumi Sarawak semasa pendudukan Jepun.

Apakah kesan daripada pengalaman tersebut?

**Ms 81**

- A Penubuhan persatuan
- B Pelibatan dalam penulisan
- C Kemajuan ekonomi negeri
- D Keyakinan berkerajaan sendiri

**3.9 : Keadaan Negara Kita Selepas  
Kekalahan Jepun**

19 Penguasaan Parti Komunis Malaya melalui Bintang Tiga selama 14 hari di Tanah Melayu telah mencabar kesabaran orang Melayu.

Apakah tindakan tersebut?

**Ms 84**

- A Mencabuli perjanjian
- B Menghakis kuasa raja
- C Menyiksa anggota polis
- D Mengharamkan persatuan

20 Peranan Raja-raja Melayu penting dalam usaha menyelesaikan pergaduhan kaum. Apakah peranan Sultan Perak bagi memastikan masalah di atas tidak berlaku ?

**Ms 85**

- A Mengadakan lawatan
- B Menganjurkan persidangan
- C Mengadakan genjatan senjata
- D Mengenakan perintah berkurung

**BAHAGIAN B**

1. Senarai berikut merujuk slogan yang digunakan oleh pihak Jepun.

Semangat Asia  
 Asia untuk orang Asia  
 Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya

(a) Nyatakan matlamat penggunaan slogan di atas

- i) .....
- ii) .....

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor kedatangan Jepun ke negara kita

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Kebijaksanaan penting dalam merancang sesuatu strategi. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini ?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Ms 68**


- (a) i) menanamkan semangat antipenajahan Barat  
 ii) menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia
- (b)
  - Eksploitasi sumber bahan mentah
  - Kepentingan strategik Ketenteraan
  - Keperluan perindustrian kerana Pembaharuan Meiji
  - Operasi ketenteraan Jepun
  - Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah dunia
  - Sasaran sumber minyak utama di Miri , Sarawak
  - Rancangan menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya
  - Mengukuhkan ekonomi Jepun
  - Kedudukan Tanah Melayu yang strategik sesuai untuk ketenteraan Jepun.
  - Terdapat Singapura yang merupakan pengkalan tentera laut British
  - Penguasaan Singapura membuka laluan telaga minyak di Sumatera
  - Penguasaan Borneo, menjayakan penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

**( Mana-mana 2 )**

- (c) **Setuju**
  - Kebijaksanaan penting bagi memastikan objektif misi tercapai
  - Dapat merancang sesuatu menggunakan segala sumber yang ada
  - Dapat menyelesaikan tugas dalam tempoh yang ditetapkan
  - Penggunaan tenaga kerja dan kepakaran yang bersesuaian dalam menyelesaikan tugas
  - Kos dalam menyiapkan sesuatu tugas dapat dirancang dengan baik.
  - Satu sikap kepimpinan yang perlu dalam setiap organisasi

**Mana-mana yang munasabah**

2. Dasar pemerintahan tentera Jepun diterima daripada Panglima Agung Japanese Southern Army untuk dilaksanakan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Dasar pendudukan Jepun di negara kita dapat difahami melalui gambar rajah berikut:



(a) Apakah X dan Y

(i) X: .....

(ii) Y: .....

[2 markah]

(b) Jelaskan tentang dasar pentadbiran Jepun berikut:

(i) Dasar terhadap Raja-raja Melayu

.....  
 .....

[2 markah]

(ii) Dasar terhadap kepimpinan tempatan

.....  
 .....

[2 markah]

(c) Apakah iktibar yang boleh diambil dari peristiwa pendudukan Jepun di negara kita ?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

Ms 70-73

(a)

- i) X : Dasar Ekonomi
- ii) Y : Dasar Sosial

(b)

i) **Dasar terhadap Raja-raja Melayu**

- Pentadbiran tentera Jepun mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu
  - Raja-raja Melayu diberikan bayaran pencen seperti sebelum perang
  - Kedudukan sultan di negeri masing-masing diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun
  - Pengiktirafan tersebut dibuat semasa persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera di Singapura
- ( Mana-mana 2 )**

ii) **Dasar terhadap kepimpinan tempatan**

- memberikan peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan dan berpengalaman ke jawatan yang lebih tinggi
  - bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai
  - mendapatkan sokongan penduduk
  - Pentadbiran tentera Jepun menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda atau Koa Kunrenjo
  - Bagi melatih dan menanamkan semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun dalam kalangan penduduk tempatan
- ( Mana-mana 2 )**

(c)

- Kita perlu mempertahankan kemerdekaan yang kita miliki.
  - Jangan mudah memberi kepercayaan kepada kuasa luar dalam mentadbir negara kita
  - Belajar dari kesilapan yang lalu
  - Mempunyai ketahanan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran hidup
  - Pemimpin dan rakyat harus bekerjasama dalam memajukan negara
- ( mana-mana yang munasabah )**





## BAHAGIAN A

### BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

#### 4.1 British Military Administration

1. Mengapakah British melaksanakan British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu?

(ms 94)

- A Meningkatkan bekalan makanan
- B Memulihkan kepercayaan rakyat
- C Mewujudkan pentadbiran pusat
- D Memantapkan dasar luar negara

2. Peningkatan harga barangan di Tanah Melayu telah berlaku dari Disember 1941 hingga Ogos 1945.

(ms 94-95)

Mengapakah keadaan ini berlaku?

- A Bencana alam
- B Serangan luar
- C Pasaran gelap
- D Penentangan rakyat

#### 4.2 Gagasan Malayan Union

3. Maklumat berikut berkaitan dengan perisytiharan Warta Kerajaan pada tahun 1945.

Kertas Putih 6724

Apakah kandungan warta tersebut? (ms 96)

- A Penubuhan kerajaan berpusat
- B Pembangunan semula negara
- C Pemansuhan pentadbiran tentera
- D Pengharaman ideologi komunis

4. Mengapakah perubahan berikut berlaku? (ms 96)

British Military Administration

 → Malayan Union

- A Membentuk kerajaan demokratik
- B Mengimbangi jumlah penduduk
- C Mengekalkan institusi beraja
- D Mengukuhkan pertahanan

5. Apakah kesan pelaksanaan Malayan Union terhadap negeri-negeri Melayu? (ms 97)

- A Berstatus tanah jajahan
- B Pelucutan jawatan sultan
- C Pengenalan sistem republik
- D Berpusatkan pentadbiran di London

6. Mengapakah tindakan Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan sultan dianggap tidak sah? (ms 98-99)

- A Menggunakan bahasa Inggeris
- B Melibatkan unsur tipu muslihat
- C Penghakisan kuasa pembesar
- D Perjanjian yang tidak adil

#### 4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946.

Ribuan orang Melayu yang berhimpun di Hotel Station melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu".

Apakah tujuan orang Melayu menyertai perhimpunan tersebut? (ms 101)

- A Mengkritik perjanjian Malayan Union
- B Meraikan kedatangan Ratu England
- C Menyokong sistem pentadbiran Republik
- D Memulaukan upacara pelantikan Gabenor

8. Apakah peranan akhbar-akhbar Melayu dalam gerakan penentangan gagasan Malayan Union? (ms 102)

- A Mengumpul dana untuk berdemonstrasi
- B Mengambil tindakan undang-undang
- C Menyeru orang ramai bersabar
- D Menyuarakan bantahan

9. Nyatakan sumbangan Datin Puteh Mariah dan Halimahton Abd Majid terhadap negara kita. (ms 103)

- A Menentang Malayan Union
- B Memajukan pendidikan wanita
- C Menganjurkan Kongres Melayu
- D Menghidupkan persatuan negeri

10. Apakah sumbangan Dato' Onn bin Jaafar semasa penubuhan Malayan Union? (ms 104-105)

- I Mengadakan rapat umum
- II Menghantar surat bantahan
- III Menerbitkan akhbar Melayu
- IV Menganjurkan Kongres Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Mengapakah L.D Gammans dan David Rees Williams dihantar ke Tanah Melayu pada tahun 1946? (ms 106)

- A Mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu
- B Menggubal perlembagaan Tanah Melayu
- C Meninjau reaksi terhadap Malayan Union
- D Merangka kerakyatan Rakyat British

#### 4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British

12. Mengapakah Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946? (ms 107)

- I Desakan penduduk
- II Masalah kewangan
- III Masalah perwarisan takhta
- IV Dapatan pungutan suara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Apakah peranan Gerald T. MacBryan di Sarawak? (ms 108)

- A Meneruskan pemerintahan British
- B Melatih pasukan menentang Jepun
- C Mengembalikan pentadbiran keluarga Brooke
- D Memperoleh persetujuan penyerahan Sarawak

#### 4.5 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sarawak

14. Maklumat berikut merujuk penentangan penduduk tempatan di Sarawak.

Tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941.

Apakah maksud melanggar perlembagaan tersebut? (ms 109)

- A Pengurangan kuasa pembesar tempatan
- B Pembatalan hak istimewa orang Melayu
- C Pemberian kewarganegaraan jus soli
- D Penafian hak berkerajaan sendiri

15. Pekeliling berikut dikeluarkan British bagi menyekat gerakan golongan antipenyerahan Sarawak.

| Tarikh        | Surat Pekeliling      |
|---------------|-----------------------|
| Disember 1946 | Pekeliling No. 9/1946 |

Apakah kesan daripada pekeliing tersebut? (ms 110)

- A Aktiviti pertubuhan diharamkan
- B Kakitangan awam meletakkan jawatan
- C Mengehadkan kuasa penjajah
- D Golongan wanita mengadakan demonstrasi

16. Pada 20 Ogos 1948, pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu telah menubuhkan Rukun 13.

Bagaimanakah Rukun 13 melancarkan gerakan antipenyerahan? (ms 112)

- A Menggunakan kekerasan
- B Menerbitkan akhbar
- C Menulis surat bantahan
- D Menuntut kemerdekaan

#### 4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

17. Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Sabah selepas Perang Dunia Kedua.

|           |                                |
|-----------|--------------------------------|
| Tarikh    | 26 Jun 1946                    |
| Peristiwa | Perjanjian SBUB dengan British |

Apakah kesan perjanjian tersebut? (ms 114)

- A Membangkitkan pemberontakan di Sabah
- B Mendapat kemerdekaan daripada British
- C Mempergiat kemajuan di Sabah
- D Memperkukuh kuasa British

18. SBUB mengalami masalah kekurangan dana untuk memulihkan kerosakan kawasan di Kudat, Sandakan dan Jesselton.

Mengapakah kawasan tersebut mengalami kerosakan? (ms 115)

- A Serangan tentera Jepun
- B Ancaman pemberontak
- C Tindakan Parti Komunis Malaya
- D Bencana alam

#### 4.7 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah

19. Bagaimanakah British mengatasi penentangan rakyat akibat penyerahan Sabah kepada British? (ms 116)

- A Memberi pencen bulanan
- B Mengharamkan persatuan
- C Menawarkan kenaikan pangkat
- D Menangkap pembesar tempatan

20. Penyerahan Sabah kepada British pada 15 Julai 1946 tidak mendapat tentangan daripada penduduk tempatan.

Mengapakah berlakunya keadaan sedemikian? (ms 117)

- I Pertubuhan tidak tersusun
- II Kekurangan pemimpin berwibawa
- III Tujuan penyerahan tidak difahami
- IV Perebutan kuasa antara pemimpin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**BAHAGIAN B**

1. Pernyataan berikut berkaitan dengan penyerahan rasmi Sarawak kepada British.

Pada 1 Julai 1946, Charles Vyner Brooke menyerah Sarawak secara rasmi kepada British dan diisytiharkan sebagai hari "Cession Day" sebagai tanda kerajaan British menerima penyerahan Sarawak secara rasmi.

Sumber: Awang Mohamad Razif bin Awang Yusuf,  
UKOM JASA Sarawak.

(a) Mengapakah Charles Vyner Brooke melakukan penyerahan tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[2 markah]

(b) Pada pandangan anda, mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

(c) Penduduk tempatan wajar menentang penyerahan negara kepada kuasa asing. Ulaskan.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

**[m/s 107]**

- (a)
- i. Masalah perwarisan takhta
  - ii. Desakan kerajaan British
  - iii. Masalah kewangan

**[m/s 109]**

- (b)
- i. Tindakan bertentangan dengan Perlembagaan 1941
  - ii. Prinsip Kelapan menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada Sarawak
  - iii. Mengetepikan surat wasiat Charles Brooke
  - iv. Keputusan dibuat tanpa berbincang dengan Raja Muda dan Tuan Muda
  - v. Gerald T. MacBryan menggunakan muslihat

- (c)
- i. Mengelakkan berlaku penjajahan
  - ii. Mempertahankan maruah negara
  - iii. Mengelakkan campur tangan asing dalam pentadbiran
  - iv. Mempertahankan hak rakyat
  - v. Menghalang kekayaan negara dieksploitasi
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

|        |  |
|--------|--|
| F      | <b>Mengelakkan berlakunya penjajahan</b> |
| H      | Kedaulatan negara berakhir               |
| H<br>L | Berlaku penindasan terhadap rakyat       |
| C      | Rakyat menjadi buruh paksa               |
| I      | Kemerdekaan negara tanggungjawab bersama |



**Kerajaan Sementara [ms 107]**

- i. Semasa Sarawak berada di bawah pemerintahan Jepun, kerajaan sementara telah diwujudkan.
- ii. Pengerusinya ialah Bertram Brooke dan Anthony Brooke.
- iii. Oliver Stanley (Setiausaha Tanah Jajahan) berunding dengan kerajaan sementara pada tahun 1944 untuk membolehkan British mengambil Sarawak.
- iv. Bertram Brooke dan Anthony Brooke menolak tawaran tersebut.

2. Pada 26 Jun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani perjanjian dengan British untuk menyerahkan Sabah kepada kerajaan British.

(a) Nyatakan faktor penyerahan Sabah kepada British.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Mengapakah rakyat tempatan tidak menimbulkan sebarang penentangan penyerahan Sabah kepada British?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) "Setiap rakyat akan menjaga keselamatan dan kesihatan komuniti serta bersatu hati memerangi musuh negara apabila bersikap prihatin".  
Perdana Menteri Malaysia.

Sumber : <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/pm-seru-rakyat-pupuk-tema-malaysia-prihatin-dalam-diri>

"Malaysia Prihatin" merupakan tema hari kebangsaan negara kita bagi tahun 2020 dan 2021.  
Jelaskan mesej yang terkandung dalam tema tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[m/s 114]

- (a)
- Memenuhi kepentingan British
  - Meneruskan dasar British dalam hubungan luar
  - Masalah kewangan SBUB

[m/s 117]

- (b)
- Tidak memahami tujuan penyerahan
  - Dasar British menindas kesedaran nasionalisme rakyat
  - Peluang kepada penduduk tempatan melibatkan diri dalam pentadbiran dan perdagangan
  - Mampu membangunkan Sabah selepas perang

- (c)
- Menyemarakkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat
  - Menyemai rasa cinta rakyat kepada negara
  - Mempertahankan keamanan negara
  - Memastikan keselamatan rakyat terjamin
  - Bersatu menghadapi pelbagai cabaran
  - Berganding bahu memerangi COVID-19
- *Mana-mana jawapan yang munasabah*

|        |   |
|--------|---|
| F      | Menyemarakkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat                                   |
| H      | Sifat kebersamaan menjamin kesejahteraan negara   |
| H<br>L | Sanggup berkorban mempertahankan negara   |
| C      | Rakyat bersatu membela negara apabila dihina oleh negara lain                           |
| I      | Sifat keprihatinan rakyat kepada negara mampu meningkatkan imej negara di persada dunia |



**British Menindas Kegiatan Berpersatuan [ms 116]**

| Pertubuhan                                     | Pemimpin                       | Tindakan  |
|--|--------------------------------|---|
| Barisan Pemuda Sabah (BARIP)                   | Pengiran Mohd Yusof Jamil Umar | Telah ditantar berkursus ke SITC.   |
|  | H.M. Salleh                    | Ditawarkan bekerja dengan kerajaan.   |
|  | Mandur Syarif                  | Palang ke Indonesia.  |
|  | Imam Subahi Yaakub             | Berpendab ke Pulau Labuan.  |
|  | Seriji Yaakub                  | Menyerai Khairat Jumaat Muslim (KJM).   |
| Pertubuhan                                     | Pemimpin                       | Tindakan  |
| Pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) | Tengku Noordin                 | Ditawarkan ke Jesselton pada bulan September 1946. Beliau kemudian ditawarkan bekerja di Treasury Jesselton sebelum palang ke Tanah Melayu. |
|  | Zakaria Gunn                   | Ditawarkan ke Jesselton.  |
|  | Apeng Kerahu                   | Ditawarkan dari daerah Tawau ke daerah Sandakan.  |



## BAHAGIAN A

### BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 (PTM 1948)

#### 5.1 Latar belakang Penubuhan PTM 1948

1 Maklumat di bawah berkaitan Ahli Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946.

- Wakil UMNO
- Wakil Kerajaan British
- Wakil Raja-raja Melayu

Mengapakah Jawatankuasa tersebut dibentuk? **Ms 126**

- A. Menggubal Perlembagaan Rakyat
- B. Membentuk Parti Persatuan Melayu
- C. Menyusun strategi menghalang British
- D. Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

2 Maklumat di bawah berkaitan tokoh nasionalis Melayu pada tahun 1930-an dan 1940-an.

- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ahmad Boestamam
- Abdul Samad Ismail

Mengapakah mereka menentang perundingan Persekutuan Tanah Melayu? **Ms 128**

- E. Kaum bukan Melayu tidak dijemput
- F. Orang Melayu hilang hak keistimewaan
- G. Raja-raja Melayu tidak dibawa berunding
- H. Nasionalis Melayu radikal tidak dilibatkan

3 Apakah cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja? **Ms 127**

- E. Melaksanakan kewarganegaraan Jus Soli
- F. Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu
- G. Menerima kemasukan Sarawak dan Sabah
- H. Melibatkan orang Melayu dalam pentadbiran

4 Siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Kerja 1948? **Ms 126**

- I. Wakil kaum bukan Melayu
- II. Wakil Kerajaan British
- III. Wakil Raja-raja Melayu
- IV. Wakil Pesuruhjaya Tinggi British
- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

- A. Menghakis kuasa raja
- B. Memantapkan perpaduan
- C. Menjamin kemakmuran ekonomi
- D. Mengurangkan hak orang tempatan

5 Bagaimanakah golongan nasionalis Melayu radikal menarik minat rakyat ke arah proses kemerdekaan? **Ms 129**

- A. Melalui penulisan
- B. Mengadakan lawatan
- C. Menjalin hubungan luar
- D. Menubuhkan persatuan

#### 5.2. Faktor Penubuhan PTM 1948

6 Ahli Parlimen British berikut telah menyaksikan reaksi orang Melayu terhadap pelaksanaan Malayan Union.

- Rees William
- L.D. Gammans

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada reaksi tersebut? **Ms132/ kbat**

- A. Kelemahan sistem pentadbiran
- B. Kebangkitan orang tempatan
- C. Kestabilan politik tergugat
- D. Kemerosotan ekonomi

7. Maklumat berikut berkaitan satu pertemuan yang diadakan di Kuala Kangsar.

|                |  |
|----------------|--|
| Tarikh         | 27 Mei 1946  |
| Pihak terlibat | <ul style="list-style-type: none"><li>• Malcolm MacDonald (Gabenor Jeneral)</li><li>• Sir Edward Gent (Gabenor Malayan Union)</li><li>• Raja-raja Melayu</li></ul> |

Mengapakah pertemuan tersebut dilaksanakan? **Ms 132**

- A. Menggubal perlembagaan
- B. Membentuk pentadbiran yang stabil
- C. Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
- D. Mengatasi penentangan orang tempatan

8. Mengapakah pegawai tinggi British berikut menyokong konsep Persekutuan di Tanah Melayu? **Ms 133**

- Sir Malcolm MacDonald
- Sir Edward Gent

14. Apakah pihak yang berkuasa mentadbir bidang berikut? **Ms 134**

- Percukaian
- Kehakiman

- A. Majlis Raja-raja Melayu
- B. Majlis Perundangan Negeri
- C. Majlis Mesyuarat Persekutuan
- D. Majlis Perundangan Persekutuan

9. Apakah gesaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang terkandung dalam piagam berikut? **Ms 133**

**Piagam Atlantik 1945**

- A. Amalan monarki
- B. Dasar liberalisasi
- C. Dasar dekolonisasi
- D. Amalan realpolitik

10. Apakah maksud dekolonisasi? **Ms 133**

- A. Menerima naungan
- B. Mengadakan perjanjian
- C. Menjalin urusan diplomatik
- D. Membentuk kerajaan sendiri

**5.3 Ciri-ciri PTM 1948**

11. Apakah ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu? **Ms 134**

- I Pentadbiran
- II Pendidikan
- III Keagamaan
- IV Kewarganegaraan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

12. Apakah kedudukan Singapura setelah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu? **Ms 134**

- A. Menerima kemerdekaan
- B. Membentuk negeri naungan
- C. Mengawal pentadbiran pusat
- D. Menjadi tanah jajahan berasingan

13. Mengapakah British menubuhkan majlis berikut?

- Majlis Mesyuarat Persekutuan
- Majlis Perundangan Persekutuan

**Ms 134**

- A. Membantu Pesuruhjaya Tinggi British
- B. Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
- C. Menguruskan pemerintahan persekutuan
- D. Mengasaskan sistem pembahagian kuasa

19. Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mewujudkan perpaduan di negara kita? **ms 137**

- A. Melaksanakan Majlis Negeri
- B. Meluluskan penggabungan persatuan
- C. Menggalakkan penubuhan parti politik
- D. Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

15. Senarai berikut merupakan cara memperoleh kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948. **Ms 135**

- Kuat kuasa undang-undang
- Permohonan
- X

Apakah X ?

- A. Pendaftaran
- B. Perkahwinan
- C. Keizinan sultan
- D. Kelulusan mahkamah

**5.4 Kesan Penubuhan PTM 1948**

16. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu? **Ms 136**

- A. Mengiktiraf kerakyatan
- B. Meningkatkan taraf hidup
- C. Menawarkan jawatan penting
- D. Mempertahankan hak ekonomi

17. Apakah kejayaan jawatankuasa berikut? **Ms137**

**Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)**

- A. Merangka dasar pendidikan
- B. Mengatasi ancaman komunis
- C. Mewujudkan kerjasama ekonomi
- D. Memupuk persefahaman pemimpin

18. Mengapakah orang bukan Melayu menyokong pelaksanaan Persekutuan Tanah Melayu 1948? **Ms 137**

- A. Diterima sebagai rakyat asal
- B. Diiktiraf sebagai bumiputera
- C. Diberikan taraf warganegara
- D. Dilantik menjadi pentadbir

20. Apakah faktor kejayaan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948? **Ms 137/ kbat**

- A. Ketegasan Raja-raja Melayu
- B. Sikap tolak ansur antara kaum
- C. Pelaksanaan dasar dekolonisasi
- D. Campur tangan kuasa British

**BAHAGIAN B**

2. British telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada tahun 1946 yang bermatlamat untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

**(a)** Nyatakan **dua** Ahli Jawatankuasa Kerja.

(iii) .....

(iv) .....

[ 2 markah ]

**(b)** Apakah cadangan Jawatankuasa Kerja tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[ 4 markah ]

**(c)** Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi asas kepada pembentukan sebuah negara berdaulat.

Jelaskan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[ 4 markah ]

**Perlembagaan Rakyat**

*Tahukah Anda ?*



1. Tanah Melayu disatukan dengan Singapura.
2. Tubuhkan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis Negeri yang dipilih seluruh Tanah Melayu.
3. Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang anggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan sanggup curahkan kesetiaan tanpa berbelah bagi.
4. Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan dan menerima nasihat melalui Majlis Mesyuarat.
5. Hal ehwal agama Islam adat istiadat Melayu diketuaimsempuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas.
6. Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu.
7. Bahasa Melayu hendaklah menjadi Bahasa kebangsaan dan Bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu.
8. Hal ehwal luar negeri dan pertahanan hendaklah jadi tanggung jawab Bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British.
9. Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
10. Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu.

**Ms 126 - 127**

**(a)**

- i. Wakil UMNO
- ii. Wakil British
- iii. Wakil Raja-raja Melayu  
(Nama Ahli Jawatankuasa diterima)

**Ms 127**

**(b)**

- Menyatakan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat
- Memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri
- Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat.

**(c)**

**i. Mengekalkan kemerdekaan negara**

- Dapat dicapai dengan kestabilan politik
- Tidak berlaku huru-hara
- Negara akan aman damai

**ii. Memajukan ekonomi negara**

- Melalui peningkatan hasil keluaran negara
- Pengeluaran hasil pertanian seperti kelapa sawit
- Negara akan makmur

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*

**2** Rangka Perjanjian PTM 1948 yang dibentangkan pada 20 November 1946 merangkumi bidang pentadbiran, kuasa Raja-raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.

**(a)** Namakan **dua** majlis yang ditubuhkan bagi membantu pentadbiran PTM 1948.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah ]

**(b)** Jelaskan ciri-ciri Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[ 4 markah ]

“ Nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.”

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

**(c)** Jelaskan kepentingan memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[ 4 markah ]



*Tahukah Anda ?*

**Glosari**

**Rakyat Raja** ialah orang Melayu dan Orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai Sultan.

**Rakyat British** ialah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain

**Ms 134 - 135**

**(a)**

- i. Majlis Mesyuarat Persekutuan
- ii. Majlis Perundangan Persekutuan

**Ms 135**

**(b)**

- Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja dan Rakyat British
- Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British
- Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian PTM
- Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan

**(c)**

**i. Mengekalkan kemerdekaan negara**

- Dicapai dengan membina persefahaman dan perpaduan kaum
- Merayakan perayaan bersama-sama
- menjamin keharmonian rakyat

**ii. Mengekalkan kestabilan ekonomi negara**

- Kegiatan ekonomi dapat dijalankan tanpa gangguan
- Aktiviti perniagaan dapat dijalankan dengan lancar
- Memajukan negara

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*



**BAHAGIAN A**

**BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT**

**6.1 Kemunculan Pengaruh Komunis di Negara Kita**

- Ideologi komunis dibawa masuk ke negara kita pada tahun 1920-an melalui negara China. Apakah pertubuhan yang membawa masuk ideologi tersebut? **Ms 146**
  - Parti Kuomintang
  - Parti Komunis Nanyang
  - Persatuan Communist International
  - Persatuan Orang Cina Peranakan
- Senarai berikut merupakan tokoh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang berusaha menyebarkan pengaruh komunis ke negara kita.
  - Alimin
  - Tan Malaka
 Mengapakah mereka melakukan usaha tersebut? **Ms146**
  - Kekejaman pasukan tentera
  - Keinginan ingin meluskan pengaruh
  - Kegagalan menguasai Pulau Jawa
  - Kekosongan politik di Tanah Melayu
- Ancaman Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu bermula sejak pendudukan Jepun. Bagaimanakah tindakan PKM pada masa tersebut? **Ms 147**
  - Membentuk Bintang Tiga
  - Bekerjasama dengan British
  - Berjuang dengan PUTERA
  - Menerima bantuan Komanwel
  - I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
- Mengapakah PKM berjaya meluaskan pengaruh selepas BMA mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu? **Ms 147**
  - Disokong oleh parti politik radikal
  - Diluluskan membuka cawangan baharu
  - Dibenarkan menyumbang artikel akhbar
  - Diiktiraf sebagai pertubuhan yang sah
- Undang-undang berikut telah diluluskan oleh British di Tanah Melayu.
 

|  |
|--|
| Trade Union Ordinance<br>No. 9 of 1948 |
|--|

 Apakah tujuan undang-undang tersebut diluluskan? **Ms 147**
  - Menangkap golongan radikal
  - Menyekat pengaruh komunis
  - Menghalang pencerobohan Jepun
  - Mengawal kebebasan media massa

**6.2 Ancaman Komunis di Negara Kita**

- Bagaimanakah tindakan Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM untuk menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu? **Ms 148**
  - Menganjurkan persidangan kebangsaan
  - Mendapatkan tandatangan pemimpin
  - Memperoleh kebenaran kerajaan
  - Melancarkan perjuangan bersenjata
- Apakah kesan daripada peristiwa berikut? **Ms148**

| Tahun       | Peristiwa  |
|-------------|--|
| 16 Jun 1948 | Pembunuhan tiga orang pengurus ladang British di Sungai Siput, Perak |

- Rancangan Briggs diperkenalkan
  - Parti Komunis Malaya diharamkan
  - Pasukan keselamatan dimantapkan
  - Undang-undang darurat dilaksanakan
- Mengapakah lombong bijih timah dan ladang getah British di Tanah Melayu menjadi sasaran serangan komunis pada 1948 hingga 1956? **Ms149**
    - Merosakkan infrastruktur utama
    - Melemahkan rakyat tempatan
    - Mengurangkan sumber eksport
    - Melumpuhkan ekonomi penjajah
  - Jadual berikut menunjukkan statistik orang awam yang terbunuh, tercedera dan hilang akibat kekejaman komunis antara tahun 1948 hingga 1960.

| Terbunuh | Tercedera | Hilang | Jumlah |
|----------|-----------|--------|--------|
| 2473     | 1385      | 810    | 4668   |

*Sumber: Ramlah Adam, 2014. Pahlawan Tegar Merdeka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*

- Apakah punca situasi di atas berlaku ? **Ms 150**
- Bersubahat dengan komunis
  - Bekerjasama dengan British
  - Membakar lombong bijih timah
  - Meminta bantuan negara Komenwel
- PKM telah menyerang balai-balai polis di Johor, Pahang dan Kelantan. Apakah kesan serangan tersebut kepada negara? **ms 151**
    - Mengancam keamanan negara
    - Menerima sokongan masyarakat
    - Menggugat keselamatan masyarakat
    - Menawan hati rakyat menyertai pertubuhan

### 6.3 Usaha Menangani Ancaman Komunis

11. Pilih jawapan yang tepat berkaitan dengan Undang-Undang Darurat. **Ms 152**

|   | Kesalahan                       | Hukuman                   |
|---|---------------------------------|---------------------------|
| A | Membantu komunis                | Dijatuhkan hukuman mati   |
| B | Membawa senjata api             | Dijatuhkan hukuman berat  |
| C | Dituduh memberi makanan komunis | Dikenakan tahanan rumah   |
| D | Disyaki terlibat dalam PKM      | Ditahan tanpa perbicaraan |

12. Mengapakah tokoh-tokoh berikut ditangkap semasa Zaman Darurat? **Ms 152**

- Khadijah Sidek
- Ahmad Boestamam
- Ishak Haji Muhammad

- A. Menjadi pemimpin gerakan radikal  
B. Menyertai gerakan menentang Jepun  
C. Melindungi tokoh nasionalis tempatan  
D. Mensabotaj kempen menyokong British

13. Pasukan polis berikut ditubuhkan oleh British untuk membanteras ancaman komunis. Apakah pasukan tersebut? **ms 152**

- I. Senoi Praaq  
II. Cawangan Khas  
III. Home Guard  
IV. Force 136

- A. I dan II  
B. I dan IV  
C. II dan III  
D. III dan IV

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pasukan keselamatan negara.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Ditubuhkan pada tahun 1933</li><li>▪ Bertugas untuk membanteras gerila komunis di dalam hutan</li></ul> |
|---|

Apakah pasukan keselamatan tersebut?

**Ms154**

- A. Pasukan Perisikan Pertahanan  
B. Pasukan Tentera Sukarela  
C. Pasukan Askar Komanwel  
D. Pasukan Askar Melayu

15. Kampung Baru merupakan rancangan petempatan yang dilancarkan oleh Sir Henry Gurney di Tanah Melayu pada tahun 1950. Apakah rancangan tersebut? **Ms 157**

- A. Rancangan Briggs  
B. Rancangan Gurney  
C. Rancangan Templer  
D. Rancangan Min Yuen

### 6.4 Kesan Zaman Darurat terhadap Negara Kita

16. Pada tahun 1952, kerajaan telah melonggarkan syarat kewarganegaraan untuk membanteras ancaman komunis.

Apakah rumusan berkaitan tindakan tersebut?

**Ms 161/kbat**

- A. Kerjasama masyarakat pelbagai kaum  
B. Kesepakatan antara rakyat dengan British  
C. Perundingan antara kaum dilaksanakan  
D. Pengorbanan daripada orang Melayu

17. Mengapakah kerajaan membelanjakan anggaran sebanyak \$250 ribu hingga \$300 ribu sehari untuk pertahanan negara antara tahun 1948 hingga 1960? **Ms162**

- A. Menamatkan konfrontasi  
B. Membendung rusuhan kaum  
C. Membanteras ancaman komunis  
D. Mengurangkan kemasukan imigran

18. Mengapakah rakyat bergantung kepada hasil tanaman berikut semasa Zaman Darurat? **Ms 162**

- Jagung
- Ubi Keledek
- Ubi Kayu

- A. Catuan bekalan makanan  
B. Kemusnahan ladang getah  
C. Sekatan perintah berkurang  
D. Kerosakan peralatan pertanian

19. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Berkurung untuk menghadapi ancaman komunis.

Apakah kesan langkah tersebut?

**Ms 162**

- A. Pergaduhan kaum  
B. Aktiviti harian terjejas  
C. Perpaduan semakin erat  
D. Ekonomi sara diri meningkat

20. Dialog berikut mungkin berlaku semasa Zaman Darurat.

|              |  |
|--------------|--|
| Penduduk A : | <i>Kerajaan memperkenalkan Darurat bagi membanteras komunis.</i> |
| Penduduk B : | <i>Betul. Rakyat hidup menderita sepanjang tempoh tersebut.</i>  |

Mengapakah keadaan tersebut berlaku? **Ms 163**

- A. Pergaduhan antara kaum  
B. Penceroohan kuasa luar  
C. Kekejaman tentera Jepun  
D. Kemusnahan harta benda

**BAHAGIAN B**

1. Penyebaran ideologi komunis di negara kita bermula dengan penubuhan Parti Komunis Malaya pada 30 April 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

(d) Apakah maksud komunisme?

[ 2 markah ]

.....  
 .....  
 .....  
 .....

(e) Bagaimanakah pengaruh komunis berjaya masuk ke negara kita?

[ 4 markah ]

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

(f) Usaha Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menguasai negara kita melalui fahaman komunis wajar ditentang. Berikan penjelasan anda.

[ 4 markah ]

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

**Jawapan: ms 146**

(a)

- ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx/ Friedrich Engles
- orang yang menganut fahaman komunis
- satu fahaman politik
- menjadikan ekonomi/ barang pengguna milik negara

**Jawapan: ms 146**

(b)

- melalui cawangan Parti Koumintang (KMT)
- menubuhkan cawangan KMT setiap bandar di negeri Melayu/ Muar/ Klang/ KL
- menubuhkan Main School
- bergerak dalam kalangan orang Hailam
- pemimpin komunis dari Indonesia
- Tan Malaka/ Alimin
- berpunca gagal menguasai Pulau Jawa
- tidak mendapat sambutan penduduk TM

**Jawapan:**

(c)

- melaksanakan pentadbiran republik
- menggugat kedudukan sistem beraja
- melakukan keganasan
- kehidupan rakyat terancam
- menghapuskan sistem demokarasi
- rakyat tiada hak memilih pemimpin
- membawa fahaman yang bertentangan dengan agama Islam
- Malaysia sebuah negara Islam

2. Usaha British dalam membanteras kegiatan komunis bukan sahaja melibatkan pelibatan pasukan keselamatan malah peranan rakyat dituntut untuk memastikan usaha tersebut berjaya.

(d) Apakah peranan pasukan Home Guard?

[ 3 markah ]

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(e) Pernyataan berikut berkaitan dengan pelibatan rakyat dalam Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat.

Penduduk turut menyertai perarakan bersempena dengan “Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat” yang diadakan di Semenyih, Selangor.

*Sumber : Buku teks Tingkatan 4  
Halaman 158*

Jelaskan usaha rakyat menyokong kempen tersebut.

[ 3 markah ]

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(f) Cadangkan usaha-usaha untuk menggalakkan belia menyertai pertubuhan sukarela pada masa kini.

[ 4 markah ]

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**Jawapan: ms 155**

**(a)**

- pasukan pengawal kampung
- menyekat pergerakan bekalan makanan/ ubatan jatuh ke tangan komunis
- menerima latihan ketenteraan
- melindungi pekerja lombong bijih timah
- mengamankan kampung

**Jawapan: ms 158**

**(b)**

- mendaftarkan diri secara sukarela
- bilangan sukarelawan mencecah 435,905 orang
- melibatkan pelibatan lelaki/ wanita pelbagai sektor
- melibatkan golongan profesional
- melibatkan rakyat pelbagai kaum
- menggalakkan interaksi/ hubungan antara kaum

**Jawapan:**

**(c)**

- melaksanakan kempen galakan
- melibatkan media cetak/ elektronik/ sosial
- memberikan imbuhan/ insentif kepada belia yang aktif
- menghargai pelibatan belia
- memaklumkan kebaikan menyertai pertubuhan sukarela
- terdapat aktiviti yang berfaedah
- menganjurkan program di peringkat sekolah
- memberi pendidikan awal kepada murid-murid



## BAHAGIAN A

### BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

#### 7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

1. Maklumat berikut merujuk kepada idea sebuah parti politik pada tahun 1930-an.

Memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya

Apakah parti tersebut? **Ms 172**

- A Angkatan Wanita Sedar (AWAS)  
B Kesatuan Melayu Muda (KMM)  
C Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)  
D Angkatan Pemuda Insaf (API)
2. Apakah matlamat penubuhan parti politik berikut? **Ms 173**

#### Independence of Malayan Parti (IMP)

- A Melindungi warisan budaya  
B Memelihara kesucian agama  
C Memupuk perpaduan rakyat  
D Memerangi idealogi komunis

#### 7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

3. Apakah tujuan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan? **Ms 177**

- I Memupuk perpaduan  
II Memantapkan kesetiaan rakyat  
III Menghapuskan pengaruh komunis  
IV Meningkatkan hubungan luar negara

- A I dan II                      B I dan IV  
C II dan III                     D III dan IV

4. Mengapakah pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ( CLC ) merupakan satu tindakan yang wajar bagi negara berbilang bangsa? **Ms 177**

- A Memperjuangkan kemerdekaan  
B Mengadakan Pilihan Raya Umum  
C Meningkatkan kesedaran politik  
D Menggalakkan penubuhan persatuan

5.

- Dato Onn Jaafar  
- E.E.C Thuraisingham  
- Tan Cheng Lock

Apakah Sumbangan Tokoh tersebut?

- A Menubuhkan Perti Perikatan  
B Menjadi Ahli Suruhanjaya Ried  
C Menganjurkan konvensyen Kebangsaan  
D Menganggotai Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

6. Maklumat berikut berkaitan dengan isu kedudukan ekonomi orang Melayu.

Orang Melayu tidak memperolehi peluang yang sama seperti kaum lain dalam sektor perniagaan dan perusahaan.

Sumber : *Buku Teks Tina.4 Ms 176*

Bagaimanakah isu tersebut diatasi melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

**Ms 177**

- A Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa  
B Mengasaskan Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan  
C Melaksanakan Sistem Ahli  
D Mewujudkan Kabinet Persekutuan

#### 7.3 Sistem Ahli

7. Sistem Ahli diperkenalkan selaras dengan dasar dekolonisasi British di Tanah Melayu. Siapakah yang bertanggungjawab melantik anggota Sistem Ahli? **Ms 179**

- A Gabenor Jeneral  
B Yang di-Pertuan Agong  
C Pesuruhjaya Tinggi British  
D Setiausaha Tanah Jajahan

8. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu

- A Merangka perlembagaan baharu  
B Melaksanakan pilihan raya umum  
C Membincangkan syarat kewarganegaraan  
D Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri

9. Apakah kepentingan Sistem Ahli 1951 kepada pentadbiran Tanah Melayu? **Ms 179**

- A Merupakan proses ke arah perpaduan kaum  
B Menggalakkan penduduk menentang penjajah  
C Mengurangkan peranan orang dagang  
D Menjadi asas pengenalan sistem beraja

10. Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah tanggungjawab beliau? **Ms 179**

- A Mendaftar kerakyatan  
B Menyelia perancangan bandar  
C Menyediakan kemudahan asas  
D Menyەرagamkan sukatan pelajaran

#### 7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

11. Apakah tujuan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956? **Ms 183**

- A Membina lebih banyak sekolah  
B Melaksanakan sistem persekolahan yang berbeza mengikut kaum  
C Menyeragamkan kurikulum bercorak kebangsaan  
D Mewajibkan penggunaan bahasa Inggeris

#### 7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

12. Apakah kesan sistem pendidikan berikut?  
**Ms 180**

Sekolah Vernakular

- A Membasmi kemiskinan
- B Menyelesaikan isu kekurangan guru
- C Meningkatkan peluang pekerjaan
- D Menghalang perpaduan kaum

Soalan 13 dan 14 berdasarkan maklumat berikut.

Laporan Fenn-Wu

13. Apakah tujuan penerbitan laporan tersebut?  
**Ms180**

- I Memansuhkan sekolah vernakular
  - II Menggubal kurikulum yang seragam
  - III Mengkaji pendidikan sekolah Cina
  - IV Membantah Laporan Barnes
- A I dan II                      B I dan IV  
C II dan III                      D III dan IV

14. Apakah tujuan penambahbaikan laporan tersebut?  
**Ms 180**

- A Mewujudkan sistem sekolah satu aliran
- B Meredakan bantahan daripada masyarakat bukan Melayu
- C Memantapkan institusi pendidikan melalui sistem kebangsaan
- D Menjadikan sekolah Cina institusi berfaedah

15. Apakah cadangan E.W Woodhead berkaitan dengan perkembangan sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah pada tahun 1955? **Ms 182**

- A Pemerksaan bahasa Inggeris
- B Peperiksaan dalam bahasa Melayu
- C Pengajaran mata pelajaran vokasional
- D Peluang kenaikan darjah secara automatik

16. Apakah perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin al-Helmi? **Ms 184**

- A Meningkatkan ekonomi
- B Membentuk negara Islam
- C Menubuhkan Melayu Raya
- D Melindungi warisan budaya

#### 7.5 Penubuhan Parti Politik

17. Bagaimanakah matlamat perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya ( PKMM) dapat dicapai?  
**Ms184**

- A Menjalinkan kerjasama antara kaum
- B Menkuatkuasakan undang-undang
- C Mengutamakan kebajikan rakyat
- D Menjalin hubungan dengan negara luar

18. Konvesyen berikut diadakan pada bulan Ogos 1954. **Ms 187**

| Peristiwa            | Penganjur   |
|----------------------|-------------|
| Konvesyen Kebangsaan | UMNO<br>MCA |

Apakah isu yang diketengahkan dalam konvensyen tersebut?

- A Menubuhkan parti politik baharu
- B Mengetatkan syarat kewarganegaraan
- C Membantah Perlembagaan Rakyat
- D Mendesak British mengadakan pilihan raya

19. Apakah matlamat penubuhan Pakatan PUTERA-AMCJA? **Ms 186**

- I Memupuk kerjasama politik antara kaum
- II Menuntut kemerdekaan negara
- III Membentuk Melayu Raya
- IV Mengekalkan pentadbiran British


- A I dan II                      B I dan IV  
C II dan III                      D III dan IV

20. Mengapakah perkembangan peristiwa tersebut Berlaku?

| Tahun | Perkara                                     |
|-------|---|
| 1949  | Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum |
| 1953  | Penganjuran Persidangan Kebangsaan          |

- A Pengaruh luar yang semakin kuat
- B Perpaduan antara kaum tidak mantap
- C Kelemahan dalam pentadbiran
- D Keputusan pilihan raya tidak memberangsangkan

**BAHAGIAN B**

|   |   |
|---|---|
| <p>1. Penubuhan parti-parti politik telah melahirkan idea kemerdekaan tanah air sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua.</p> <p><b>(a)</b> Apakah idea perjuangan Kesatuan Melayu Muda?</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p> | <p><b>Ms 172 – 173</b></p> <p><b>(a)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memperjuangkan kemerdekaan tanah air</li> <li>• memperkenalkan konsep Melayu Raya</li> <li>• penyatuan bangsa dan dunia Melayu</li> <li>• persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa menjadi 1 rumpun.</li> <li>• rumpun Melayu.</li> </ul>   |
| <p><b>(b)</b> Jelaskan matlamat perjuangan UMNO di bawah pimpinan Dato Onn Jaafar.</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p style="text-align: right;">[4 markah]</p>  | <p><b>(b)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penyatuan orang Melayu</li> <li>• mempertahankan hak Melayu/ status quo</li> <li>• kedudukan Raja-raja Melayu/ kedaulatan</li> <li>• kemerdekaan Tanah Melayu</li> <li>• Melancarkan slogan “Hidup Melayu”</li> <li>• Menentang Malayan Union</li> <li>• Memelihara orang Melayu</li> <li>• Slogan UMNO diubah kepada “Merdeka”</li> <li>• Berjuang melalui perundingan</li> </ul>   |
| <p><b>(c)</b> Sebagai pemimpin sebuah pertubuhan yang memperjuangkan kemerdekaan negara, bagaimanakah pendekatan perjuangan anda?</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p style="text-align: right;">(4 markah)</p>                           | <p><b>(c)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak menggunakan kekerasan</li> <li>• mengutamakan perundingan</li> <li>- mengeratkan perpaduan kaum</li> <li>- menjamin kestabilan politik</li> <li>- menolak kepentingan peribadi</li> </ul> <p style="text-align: center;"></p> <p><b>.... Tahukah anda</b><br/> <b>Dato Onn Jaafar sebagai</b><br/> <b>“Menteri” Hal Ehwal Dalam</b><br/> <b>Negeri Persekutuan Tanah</b><br/> <b>Melayu bertanggungjawab</b><br/> <b>untuk menjaga</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hal ehwal imigran</li> <li>• Penyiaran dan pencetakan</li> <li>• Hubungan negeri Melayu dengan NNS</li> <li>• Hal ehwal menunaikan haji</li> <li>• Perkahwinan</li> <li>• Kematian</li> </ul> <p><b>Lembaga Pembangunan</b><br/> <b>Industri Desa atau Rural</b><br/> <b>Industrial Development</b><br/> <b>Authority (RIDA), Jabatan</b><br/> <b>Pilihan Raya dan Jabatan</b><br/> <b>Rupa Bangsa Nasional juga</b><br/> <b>di bawah beliau.</b></p> |

2. Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949.

(a) Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan isu yang perlu diselesaikan oleh jawatankuasa tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum penting dalam usaha membentuk negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat. Berikan ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**Ms 174 – 177**

**a.**

- mengkaji hubungan antara kaum
- membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial
- pembahagian yang adil untuk semua komuniti
- mewujudkan keharmonian

**b.**

- ke arah berkerajaan sendiri
- kedudukan istimewa orang Melayu
- penduduk asal rantau Alam Melayu
- ekonomi orang Melayu
- peluang yang sama dalam perniagaan dan perusahaan
- kewarganegaraan bukan Melayu
- Pendidikan
- sukatan pelajaran yang berbeza

**c.**

- memastikan peralihan kuasa
- berkerajaan sendiri
- mengamalkan sistem demokrasi
- mengadakan pilihan raya
- kedudukan istimewa orang Melayu
- sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu
- peningkatan ekonomi
- peningkatan pendidikan
- kewarganegaraan
- perpaduan kaum
- kestabilan politik



**tahukah anda**  
**Dr William, P.Fenn, ahli**  
**akademik dari China dan Dr.**  
**Wu The Yao, pegawai**  
**Pertubuhan Bangsa-Bangsa**  
**Bersatu diundang oleh British**  
**untuk mengkaji Pendidikan**  
**Cina di Tanah Melayu**



## BAHAGIAN A

| <b>BAB 8: PILIHAN RAYA</b>   |   |
|--|---|
| <p><b>8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu</b></p> <p>1 Apakah tujuan pilihan raya diadakan? <b>Ms 194</b><br/>A Menstabilkan politik<br/>B Membentuk kerajaan<br/>C Meningkatkan imej negara<br/>D Memantapkan sistem beraja</p> <p>2 Apakah yang dapat dibuktikan melalui pilihan raya di negara kita? <b>Ms 194</b><br/>A Meningkatkan taraf hidup rakyat<br/>B Mengiktiraf pemimpin parti politik<br/>C Memantapkan sistem kehakiman<br/>D Menyuburkan amalan demokrasi</p> <p>3 Pilihan raya berikut merupakan detik penting dalam sejarah pilihan raya di negara kita.<br/>Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955</p> <p>Apakah kepentingan pilihan raya tersebut? <b>Ms 194</b><br/>A Pembentukan kabinet pertama<br/>B Pemantapan perpaduan rakyat<br/>C Pembebasan dari penjajahan<br/>D Pengukuhan kuasa raja</p> <p>4 Pilihan raya turut diadakan di Sarawak dan Sabah.<br/>Apakah tujuan pilihan raya tersebut? <b>Ms 194</b><br/>A Memenuhi tuntutan Suruhanjaya Cobbold<br/>B Memilih wakil dalam kerajaan tempatan<br/>C Mematuhi syarat kerajaan British<br/>D Mengiktiraf pemimpin setempat</p> <p>5 UMNO hanya memenangi 1 kerusi dalam Pilihan Raya Perbandaran George Town 1951.<br/>Apakah yang dapat ditafsirkan melalui keputusan tersebut? <b>Kbat/Ms 196</b><br/>A Kelemahan jentera parti UMNO<br/>B Pemimpin UMNO tidak bersedia<br/>C Orang Melayu tidak bersatu di bawah UMNO<br/>D UMNO hanya mendapat sokongan Melayu</p> <p><b>8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama</b></p> <p>6 Apakah tujuan Pilihan Raya Umum 1955 diadakan? <b>Ms 198</b><br/>A Mewujudkan kestabilan politik<br/>B Menetapkan tarikh kemerdekaan<br/>C Menentukan Yang di-Pertuan Agong Pertama<br/>D Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan</p> | <p>7 Maklumat berkaitan dengan pertemuan pemimpin negara di London</p> <p>14 Mei 1954, Tunku Abdul Rahman mengadakan rundingan dengan Setiausaha Tanah jajahan British di London</p> <p>Apakah isu yang dibawa oleh Tunku dalam rundingan tersebut? <b>Ms 199</b><br/>A Menetapkan tarikh pelaksanaan pilihan raya<br/>B Memansuhkan sistem Raja Berperlembagaan<br/>C Mengehadkan pelibatan pegawai Barat<br/>D Menentukan bilangan ahli MPP</p> <p>8 Farisya Nasuha bercadang untuk menjadi pemilih dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.<br/>Apakah syarat yang perlu dipenuhi oleh beliau? <b>Ms 200</b><br/>I Warganegara<br/>II Berpendidikan<br/>III Bertanding sebagai calon<br/>IV Berumur 21 tahun ke atas<br/>A I dan II      C II dan III<br/>B I dan IV      D III dan IV</p> <p>9 Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu tersebut? <b>Ms 207</b><br/>I Memastikan keselamatan tanah air<br/>II Mengukuhkan kuasa orang Melayu<br/>III Melindungi kepentingan British<br/>IV Mengurus kewangan negara<br/>A I dan II      C II dan IV<br/>B I dan IV      D III dan IV</p> <p>10 Bagaimanakah pentadbiran negara hari ini dapat dimantapkan? <b>Kbat</b><br/>I Mengukuhkan sistem kehakiman<br/>II Memantapkan dasar luar<br/>III Meningkatkan integriti<br/>IV Melantik pemimpin berwibawa<br/>A I dan II      C II dan III<br/>B I dan IV      D III dan IV</p> <p>16 Siapakah pegawai yang bertindak mengumumkan peristiwa tersebut? <b>Ms 206</b><br/>A Tunku Abdul Rahman<br/>B Sir Donald MacGillivray<br/>C D.C Watherston<br/>D Dato' Abdul Razak Hussein</p> |

### 8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

11 Apakah tujuan pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan ? **Ms 204**

A Menggubal undang-undang  
 B Menyusun perlembagaan  
 C Menguatkuasa undang-undang  
 D Mentadbir kerajaan peringkat negeri

12 Mengapakah peristiwa tersebut dianggap penting kepada sejarah negara? **Ms 205**

|           |                    |
|-----------|--------------------|
| Tarikh    | 31 Ogos 1955       |
| Peristiwa | Sesi pembukaan MPP |

- A Meningkatkan imej Parti Perikatan  
 B Memantapkan kerjasama antara kaum  
 C Membuktikan kemahuan berkerajaan sendiri  
 D Membebaskan negara dari penjajahan Barat

13 Siapakah wanita yang menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)? **Ms 205**

- A Tan Sri Aishah Ghani  
 B Tan Sri Hajah Zainun  
 C Halimaton Abd Majid  
 D Datuk Siti Rahmah Kassim

14 Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 menunjukkan keupayaan rakyat tempatan pelbagai kaum mentadbir negara.

Apakah yang dapat dibuktikan melalui kerjasama tersebut? **Ms 205**

- A Keupayaan menamatkan zaman penjajahan  
 B Kejayaan melalui perkongsian kuasa  
 C Keterbukaan pemberian kerakyatan  
 D Kemajuan sistem pentadbiran

Soalan 15-16 berkaitan maklumat berikut.

|           |                          |
|-----------|--------------------------|
| Tarikh    | 4 Ogos 1955              |
| Tempat    | King House, Kuala Lumpur |
| Peristiwa | X                        |

15 Apakah X? **Ms 206**

- A Pengumuman Kabinet Pertama Persekutuan  
 B Pengisytiharan kemerdekaan negara  
 C Perjanjian perdamaian dengan PKM  
 D Perbincangan parti-parti politik

### 8.4 Peranan Kabinet Pertama

Soalan 17-18 berdasarkan rajah berikut.

17 Maklumat merujuk kepada anggota Kabinet Pertama Kerajaan Persekutuan

| Tokoh              | Jawatan              |
|--------------------|----------------------|
| Tunku Abdul Rahman | X                    |
| H.S. Lee           | Menteri Pengangkutan |



Apakah X? **Ms 206**

- A Ketua Setiausaha Negara  
 B Menteri Pelajaran  
 C Menteri Kesihatan  
 D Ketua Menteri

18 Apakah yang dapat ditafsirkan daripada maklumat tersebut? **Ms 206**

- A Perkongsian kuasa  
 B Kebijaksanaan pemimpin  
 C Keberkesanan strategi politik  
 D Pemantapan pentadbiran kerajaan

19 Apakah peranan tokoh berikut? **Ms 206**

|   |  |
|---|--|
|  |  |
| Sardon Jubir  | Ong Yoke Lin   |

- A Mengetuai sambutan kemerdekaan  
 B Memenangi Pilihan Raya Umum  
 C Menghadiri Rundingan London  
 D Menganggotai Kabinet Pertama

20 Dialog berikut mungkin berlaku menjelang pilihan raya di negara kita.

Penduduk A : Rakyat yang layak mengundi perlu keluar menjalankan tanggungjawab mereka.


Penduduk B : Ya. Mereka perlu memanfaatkan pilihan raya ini.

Mengapakah rakyat Malaysia perlu memanfaatkan pilihan raya yang diadakan di negara kita? **Kbat**

- A Menyuburkan amalan demokrasi  
 B Memantapkan perpaduan kaum  
 C Melindungi kepentingan parti politik  
 D Memilih pemimpin berasaskan kaum

**BAHAGIAN B**

1. Rajah berikut berkaitan dengan pilihan raya yang pernah diadakan di negara kita.



(a) Apakah

X: .....

Y: .....

[2 markah]

(b) Pada pandangan anda, mengapakah pilihan raya masih relevan untuk dilaksanakan?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

(c) Berikan cadangan anda bagi memastikan proses pilihan raya di negara kita pada hari ini telus dan diyakini keabsahannya.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

(a)

X: Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town  
 Y: Pilihan Raya Umum Pertama

(b)

- i. Mempertahankan hak dan kebebasan rakyat
- ii. Rakyat dapat menentukan kepimpinan negara
- iii. Dapat memilih pemimpin yang berwibawa dan berkepercayaan
- iv. Menjamin kestabilan politik
- v. Memastikan kelancaran pentadbiran kerajaan
- vi. Memastikan kebajikan rakyat terjaga

(Mana-mana yang munasabah)

(c)

- i. Dikendalikan oleh badan bebas / berkecuali
- ii. Mengharamkan pelibatan pihak berkepentingan dalam proses pelaksanaan pilihan raya
- iii. Menubuhkan jawatankuasa yang dianggotai parti-parti bertanding
- iv. Menjemput pemerhati dari luar seperti PBB
- v. Keputusan pilihan raya diaudit oleh badan antarabangsa

(Mana-mana yang munasabah)

2. Pilihan raya merupakan elimen penting yang membuktikan pengamalan demokrasi di negara kita.

(a) Apakah tujuan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan?

.....  
.....  
[2 markah]

(b) Terangkan syarat pelibatan dalam pilihan raya 1955 sebagai

(i) Pengundi

.....  
.....  
[2 markah]

(ii) Calon

.....  
.....  
[2 markah]

(c) Gambar menunjukkan kejayaan yang dicapai oleh Parti Perikatan dalam Pilihan Raya 1955.



Pada pandangan anda, apakah faktor yang membawa kejayaan kepada parti tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....  
[4 markah]

(a)  
i. Membentuk Kabinet Pertama  
ii. Ke arah berkerajaan sendiri  
III. Menyuburkan demokrasi

(b)  
(i)  
-Warganegara Persekutuan Tanah Melayu  
-Berumur 21 tahun ke atas  
- Individu yang tinggal dalam Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu

(ii)  
-Warganegara Persekutuan Tanah Melayu  
-Berumur 21 tahun ke atas  
-Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayudan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum penamaan calon  
-Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu

(c)  
i. Merangka manifesto yang baik  
ii. Menjanjikan kemerdekaan dan memperbaiki taraf hidup penduduk tempatan  
iii. Menawarkan calon yang dikenali dan berwibawa  
iv. Bekerjasama dengan parti politik pelbagai kaum

(Mana-mana yang munasabah)

3 Gambar menunjukkan barisan anggota kabinet Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955.



- a) Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan tersebut? [6 markah]
- (b) Bincangkan peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu? [6 markah]
- (c) Berikut merupakan petikan ucapan YAB Perdana Menteri berkaitan transformasi pentadbiran negara.

#### Pelan tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance)

Satu pelan komprehensif yang akan menginstitusikan prinsip dan amalan tadbir urus (governance) yang baik dikenali sebagai Pelan Tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance) di semua agensi kerajaan termasuk badan berkanun kerajaan akan diperkenalkan.

MyGovernance bertujuan meningkat dan memperkukuh keupayaan penyampaian perkhidmatan awam ke arah mencapai visi nasional serta menangani isu-isu kelemahan tadbir urus aspek kerajaan termasuk badan berkanun. Pelan tersebut adalah berdasarkan 4 prinsip tadbir urus baik iaitu ketelusan, akauntabiliti, kecekapan, dan keberkesanan.

Satu jawatankuasa akan diwujudkan bagi pembangunan MyGovernance ini. Selaras dengan pembangunan tersebut, pengukuran tahap kualiti tadbir urus sesebuah institusi kerajaan akan dibuat melalui Malaysian Governance Index (MGI).

Mesyuarat bersetuju dengan pembangunan MyGovernance dan mengesyorkan supaya kajian dan sesi libat urus dilaksanakan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk dibincangkan dalam mesyuarat JKKMAR akan datang.

#### Kenyataan Media – Kerajaan Komited Untuk Tambah Baik Tadbir Urus Dan Integriti Perangi Rasuah

May 19 2022 [Media Statement](#)

Berikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan pelan tersebut dilaksanakan.

[ 8 markah ]

(a)

- i. Kerajaan diketuai oleh Tuanku Abdul Rahman mngambil alih tugas pentadbiran di Tanah Melayu
- ii. Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat
- iii. Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk pemerintahan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara
- iv. Kuasa pegawai British beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan.
- v. Sistem Ahli dimansuhkan
- vi. Keanggotaan MPP menggambarkan kejayaan kerajaan Persekutuan yang dibentuk oleh rakyat tempatan dan dipilih oleh rakyat

(b)

- i. Membincangkan soal kewangan.
- ii. Membincangkan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam
- iii. Menyambung sistem yang digunakan dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster
- iv. Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- v. Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
- iv. Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan

(c)

#### Maklumat daripada petikan.

- i. Kerajaan akan melaksanakan Pelan Tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance).
- ii. Pelaksananya meliputi agensi kerajaan dan badan berkanun.
- iii. Bertujuan meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan awam dan menangani kelemahan tadbir urus kerajaan.
- iv. Pembentukan jawatankuasa Malaysian Governance Index (MGI) bagi melaksanakan pelan ini.

#### Keperluan.

- i. Pelan ini dibentuk bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran negara
- ii. Memantapkan kewibawaan kerajaan
- iii. Membasmi gejala rasuah
- iv. Memastikan kesejahteraan negara



# BAHAGIAN A

## T4 BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TAHAN MELAYU 1957

1.

Senarai negara luar berikut terlibat dalam usaha membebaskan negara daripada penjajahan.

- Mesir
- India
- Burma

Mengapakah usaha pembebasan tersebut dilakukan ?

|   |                                |
|---|--------------------------------|
| A | Memilih kerajaan baharu        |
| B | Menjaga keselamatan wilayah    |
| C | Mencapai kemerdekaan negara    |
| D | Memantapkan sistem pentadbiran |

( Buku teks m.s 216 )

2.

Apakah asas pembentukan perlembagaan ke arah berkerajaan sendiri ?

|   |  |
|---|--|
| A | Penubuhan Sistem Ahli                      |
| B | Pilihan raya umum 1955                     |
| C | Pembentukan Jawatankuasa Kerja             |
| D | Pelaksanaan Majlis Perundangan Persekutuan |

( Buku teks m.s 216 )

3.

Pernyataan berikut berkaitan dengan rundingan kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan di London bagi membincangkan beberapa perkara.

Apakah perkara yang ingin dirundingkan ?

|     |                 |
|-----|-----------------|
| I   | Pentadbiran     |
| II  | Keselamatan     |
| III | Perlembagaan    |
| IV  | Kewarganegaraan |
| A   | I dan II        |
| B   | I dan IV        |
| C   | II dan III      |
| D   | III dan IV      |

( Buku teks m.s 216 )

4.

Dialog berikut memaparkan senario politik negara era sebelum merdeka.

**Tokoh A:** Kami wakil orang Ceylon dan kaum Serani menyokong rundingan kemerdekaan yang dilakukan.

**Tokoh B:** Ketua Parti Rakyat, Parti Negara dan Parti Buruh juga sokong.


Apakah rumusan daripada sokongan tersebut ?

|   |  |
|---|--|
| A | Kesanggupan mengenyepikan ideologi parti   |
| B | Kesediaan menerima adat resam setiap kaum  |
| C | Kehormatan terhadap arahan pemimpin negara |
| D | Kesungguhan membantu mambanteras penjajah  |

( Buku teks m.s 216 )

5.

Carta alir berikut menunjukkan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London .



Apakah lokasi X ?

|   |                    |
|---|--------------------|
| A | Beijing, China     |
| B | Athens, Greece     |
| C | Karachi, Pakistan  |
| D | Colombo, Sri Lanka |

( Buku teks m.s 217 )

6.

Rajah berikut berkaitan dengan jawatan baharu yang diperkenalkan dalam Rundingan London .

Setiasaha Kewangan → X

Apakah jawatan X tersebut ?

|   |                        |
|---|------------------------|
| A | Menteri Kewangan       |
| B | Setiasaha Ekonomi      |
| C | Pengarah Audit Negara  |
| D | Menteri Perbendaharaan |

( Buku teks m.s 217 )

7.

Rajah berikut berkaitan dengan permohonan daripada perwakilan Tanah Melayu dalam rundingan kemerdekaan.



Apakah jawatan X yang dipohon ?

|   |                      |
|---|----------------------|
| A | Menteri Pertahanan   |
| B | Menteri Luar Negara  |
| C | Menteri Keselamatan  |
| D | Menteri Pengangkutan |

( Buku teks m.s 218 )

8.

Tunku Abdul Rahman telah menerima pandangan daripada seorang tokoh ulama untuk penetapan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Siapakah ulama tersebut ?

|   |                                |
|---|--------------------------------|
| A | Sayyid Jamal al-Din al-Afghani |
| B | Sheikh Muhammad Abduh          |
| C | Sheikh Abdullah Fahim          |
| D | Syed Sheikh al-Hadi            |

( Buku teks ms 218 )

9.

Gambar berikut menunjukkan perarakan Tunku Abdul Rahman ke Banda Hilir, Melaka selepas tiba dari rundingan di London.



Apakah kepentingan peristiwa tersebut ?

|   |                                   |
|---|-----------------------------------|
| A | Pemilihan wakil rakyat            |
| B | Penentuan tarikh pilihanraya      |
| C | Persidangan pemimpin tempatan     |
| D | Pengisytiharan tarikh kemerdekaan |

( Buku teks ms. 219 )

10.

Suruhanjaya Reid memulakan tugasnya pada akhir tahun 1956. Apakah peranan suruhanjaya tersebut ?

|   |   |
|---|---|
| A | Membincangkan garis panduan pilihan raya    |
| B | Merangka perlembagaan negara yang merdeka   |
| C | Mengkaji kelemahan sistem perkhidmatan awam |
| D | Merancang strategi menghadapi ancaman Jepun |

( Buku teks ms. 220 )

11.

Apakah Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu ?

|     |  |
|-----|--|
| I   | Pemberian kuasa mutlak kepada sultan       |
| II  | Pembentukan kerajaan pusat yang kuat       |
| III | Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu    |
| IV  | Menggabungkan semua negeri di Tanah Melayu |
| A   | I dan II                                   |
| B   | I dan IV                                   |
| C   | II dan III                                 |
| D   | III dan IV                                 |

( Buku teks ms. 220 )

12.

Tunku Abdul Rahman terlibat dalam rundingan kemerdekaan ke London. Apakah peranan beliau dalam rombongan tersebut?

|   |                     |
|---|---------------------|
| A | Menjadi juru bahasa |
| B | Pemerhati rundingan |
| C | Mengetuai rombongan |
| D | Pegawai perundangan |

( Buku teks m.s 217 )

13.

Apakah sumbangan rakyat dalam proses pengubalan Perlembagaan Kemerdekaan ?

|   |                                       |
|---|---------------------------------------|
| A | Dilantik sebagai ahli suruhanjaya     |
| B | Memberi cadangan memorandum           |
| C | Diminta menyokong isu-isu hangat      |
| D | Mendapat persetujuan Raja-raja Melayu |

( Buku teks ms. 222 )

14.

Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu .

Menerima sebanyak 131 memorandum bertulis daripada beberapa pihak.

Siapakah pihak yang menulis memorandum tersebut ?

|     |                    |
|-----|--------------------|
| I   | Parti politik      |
| II  | Badan berkanun     |
| III | Tokoh nasionalis   |
| IV  | Orang perseorangan |
| A   | I dan II           |
| B   | I dan IV           |
| C   | II dan III         |
| D   | III dan IV         |

( Buku teks ms. 222 )

15.


Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuatkuasa pada 31 Ogos 1957. Pihak manakah yang meluluskan rang undang-undang tersebut ?

|     |                                |
|-----|--------------------------------|
| I   | Parlimen British               |
| II  | Majlis Raja-raja Melayu        |
| III | Pesuruhjaya Tinggi British     |
| IV  | Majlis Perundangan Persekutuan |
| A   | I dan II                       |
| B   | I dan IV                       |
| C   | II dan III                     |
| D   | III dan IV                     |

( Buku teks ms. 223 )

16.

Rajah berikut menunjukkan jenis kerakyatan yang dipersetujui dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah X ?

|   |             |
|---|-------------|
| A | Sementara   |
| B | Permohonan  |
| C | Pemindahan  |
| D | perkahwinan |

( Buku teks ms.224 )

17.

Suruhanjaya Reid mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara. Apakah jawatan tersebut ?

|   |                       |
|---|-----------------------|
| A | Yamtuan Besar         |
| B | Raja Berperlembagaan  |
| C | Yang Dipertuan Agong  |
| D | Yang Dipertuan Negeri |

( Buku teks ms. 220 )

18.

Apakah persamaan tugas tokoh-tokoh berikut ?

- Lord Reid
- Hakim B. Malik
- Sir Ivor Jennings

|   |  |
|---|--|
| A | Mencapai kerjasama politik pelbagai kaum       |
| B | Menjadi anggota Jawatankuasa Gerak Kerja       |
| C | Menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu   |
| D | Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu |

( Buku teks ms. 221 )

19.

Penyataan berikut berkaitan dengan kedudukan agama Islam.

Agama Islam ialah agama rasmi Persekutuan

Apakah bukti pernyataan di atas?

|   |   |
|---|---|
| A | Tanah Melayu mempunyai ramai orang Islam    |
| B | Agama Islam telah disebarkan oleh pedagang  |
| C | Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan    |
| D | Melaka menjadi pusat penyebaran agama Islam |

( buku teks ms.225 )

20.

Mengapakah rakyat keturunan Melayu memperoleh kedudukan istimewa di Tanah Melayu?

|   |                          |
|---|--------------------------|
| A | Paling ramai jumlah      |
| B | Berasal dari rantau Asia |
| C | Boleh berbahasa Melayu   |
| D | Rakyat asal Tanah Melayu |

( buku teks ms. 225 )

**BAHAGIAN B**

**T4 BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

1. Suruhanjaya perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah menerima memorandum dari pelbagai pihak semasa penggubalan perlembagaan merdeka.

a. Nyatakan memorandum yang dikemukakan oleh pihak raja-raja Melayu.

.....  
 .....

( 2 markah )

b. Suruhanjaya perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan satu draf perlembagaan. Apakah kandungan draf tersebut?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

( 4 markah )

c. Bagaimanakah sikap toleransi antara kaum penting untuk membolehkan negara kita mencapai kemerdekaan?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

( 4 markah )

(a)

F1 Mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong

F2. Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kenananan. Tempoh jawatan yang dicadangkan ialah lima tahun

F3 Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

(b)

F1 Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negri mempunyai kuasa tertentu.

F2 Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.

F3 Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan

F4. Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.

F5 Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat. iaitu Dewan Negara

(c)

F1. Perpaduan tanpa mengira latar belakang politik

F2 kaum lain menerima hak-hak istimewa orang Melayu

F3 Orang Melayu menerima kewarganegaraan kaum lain

F4 Kerjasama antara kaum membentuk parti Perikatan yang kuat

H41 Sehingga proses rundingan kearah kemerdekaan dapat dilakukan dengan mudah

|  |   |
|--|---|
| <p>2. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 5 ogos 1957 sebagai langkah untuk mencapai sebuah negara yang berdaulat.</p>   | <p><b>(a)</b><br/>F1 Raja-raja Melayu<br/>F2 Sir Donald MacGillivray</p>  |
| <p>a. Siapakah yang terlibat dalam perjanjian tersebut ?</p> <p>i.....</p> <p>ii.....</p> <p style="text-align: right;">( 2 markah )</p>   | <p><b>(b)</b><br/>F1 Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen<br/>F2 Kewarganegaraan<br/>F3 Kedudukan Istimewa orang Melayu<br/>F4 Kedudukan agama Islam<br/>F5 Keduduikan Bahasa Melayu</p>  |
| <p>b. Jelaskan intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p style="text-align: right;">( 4 markah )</p>   | <p><b>(c)</b><br/>F1. Asas kepada pembentukan negara bangsa yang kuat<br/>F2 Undang-undang tertinggi negara<br/>F3. Melindungi hak-hak istimewa orang Melayu<br/>F4. Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan<br/>F5. Agama Islam sebagai agama Persekutuan<br/>F6 Lambang toleransi antara kaum</p> |
| <p>c. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting kepada pembinaan negara bangsa sehingga hari ini. Berikan ulasan anda.</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p style="text-align: right;">( 4 markah )</p> |   |



## BAHAGIAN A

### BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

#### 10.1 Pemasyhuran kemerdekaan

1. Maklumat berikut merujuk kepada takrif kemerdekaan.

Kebebasan boleh dicapai melalui politik, bebas daripada perhambaan, kemiskinan dan penderitaan

Siapakah yang mengutarakan kenyataan tersebut? **ms234**

- A. Soekarno  
B. Nelson Mandela  
C. Mahatma Gandhi  
D. Tun Fuad Stephens
2. Gambar berikut merupakan tokoh pejuang kemerdekaan India. **ms 234**



Mahatma Gandhi

Apakah yang menjadi asas perjuangan tokoh tersebut?

- A Penindasan dasar apartheid  
B Pembebasan rejim autokratik  
C Penindasan amalan kasta  
D Penghapusan ikatan perkauman
3. Maklumat berikut berkaitan dengan maksud kemerdekaan oleh pemimpin negara kita. **ms235**

Merdeka bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka.

Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat dicapai?

- A Memajukan bidang ekonomi  
B Kecekapan dalam pemerintahan  
C Kesanggupan berkorban demi negara  
D Menjadi warganegara yang berdisiplin
4. Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah erti kemerdekaan dapat dihayati? **ms235**
- A Menubuhkan parti politik  
B Mengenal sejarah negara  
C Mengukuhkan hubungan diplomatik  
D Memantapkan sistem perundangan

#### 10.2: Persediaan Menyambut Pemasyhuran

5. Apakah peranan utama Jawatankuasa Persediaan Fizikal? **ms 236**

- A Menghias bandar  
B Menjalankan protokol  
C Menonjolkan identiti negara  
D Mempromosikan majlis sambutan

6. Apakah prasarana fizikal yang dibina bagi menyambut kemerdekaan negara? **ms236**

- I Istana Negara  
II Stadium Merdeka  
III Bangunan Parlimen  
IV Memorial Tunku Abdul Rahman

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara. **ms 236**

Seramai 300 orang pegawai kerajaan dikehendaki menjalani kursus protokol

Mengapakah kursus tersebut diadakan?

- A Mempromosikan majlis sambutan  
B Mengetuai upacara perasmian  
C Mengiringi tetamu luar negara  
D Menentukan atur cara

8. Menjelang pemasyhuran kemerdekaan, apakah usaha yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Sambutan? **ms 236**

- A Menghasilkan bendera kebangsaan  
B Menghias bandar dengan lampu  
C Membina lambang-lambang negara  
D Menentukan bunga kebangsaan

### 10.3 : Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

- 9 Gambar berikut merupakan peristiwa penurunan bendera Union Jack pada malam 30 Ogos 1957.



Apakah kepentingan peristiwa tersebut? **ms238**

- A Kebebasan dari penjajah
  - B Pengiktirafan kuasa besar
  - C Kemenangan dalam pilihanraya
  - D Pelaksanaan pemerintahan demokrasi
- 10 Mengapakah Tunku Abdul Rahman diberi gelaran "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" **ms 239**

- A Pemimpin parti politik
- B Hubungan baik dengan British
- C Memenangi Pilihanraya Persekutuan
- D Membentuk negara berdaulat

- 11 Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang menjadikan peristiwa kemerdekaan negara kita unik? **ms 241**

- A Dicapai tanpa pertumpahan darah
- B Mendapat pengiktirafan antarabangsa
- C Pemimpin dilantik melalui pilihan raya
- D Sokongan daripada pemimpin radikal

- 12 Apakah pendekatan yang digunakan oleh pemimpin negara dalam memperjuangkan kemerdekaan? **ms 241**

- A Realpolitik
- B Kekerasan
- C Rundingan
- D Diplomatik

### 10.4 : Kesan Kemerdekaan Terhadap Negara

- 13 Siapakah yang menjadi ketua utama negara Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka? **ms 242**

- A Sultan
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertua Negeri
- D Yang di-Pertuan Agong

- 14 Persekutuan Tanah Melayu menghadapi cabaran dalam bidang politik selepas mencapai kemerdekaan.

Apakah cabaran tersebut? **ms 242**

- A Menyediakan peluang pekerjaan
- B Membentuk kerjasama antara kaum
- C Kemiskinan penduduk di luar bandar
- D Kekurangan pentadbir profesional

- 15 Senarai berikut merupakan tokoh yang memberi sumbangan kepada negara di peringkat antarabangsa.

-Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie  
- Dr Ismail Abdul Rahman

Apakah peranan mereka? **Ms 243**

- A Menentukan dasar luar
- B Mendapatkan pelaburan asing
- C Memimpin badan sukan dunia
- D Membuat kerjasama pertahanan

- 16 Apakah pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka.

- I Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- II Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
- III Pertubuhan Negara-negara Islam
- IV Pertubuhan Komanwel

**ms 243**

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 17 Maklumat berikut merupakan bukti pelibatan negara kita di peringkat antarabangsa.

Misi Pengaman di Congo

Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut? **ms 243**

- A Mendapat pengiktirafan PBB
- B Kerjasama pertahanan Britain
- C Meningkatkan hubungan luar
- D Menyelesaikan isu kebuluran

- 18 Apakah tujuan Rancangan Buku Merah yang dilancarkan pada 25 Januari 1961? **ms 244**

- A Memajukan tanah terbiar
- B Menyediakan kemudahan asas
- C Meningkatkan bidang perindustrian
- D Menambahkan peluang pekerjaan

- 19 Apakah aspek yang diberi keutamaan dalam Penyata Rahman Talib? **ms 245**

- A Sekolah aneka jurusan
- B Penyeragaman sukatan pelajaran
- C Pengenalan mata pelajaran Tatarakyat
- D Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

**10.5 : Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu**

20 Prinsip kedaulatan merupakan kuasa tertinggi bagi sesebuah negara. **ms 246-247**

Mengapakah kita perlu mengekalkan prinsip tersebut?

- I Menjamin kemakmuran
- II Mengukuhkan kerjasama
- III Membuktikan kehebatan
- IV Mengekalkan kesejahteraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**BAHAGIAN B**

|  |  |
|--|--|
| <p>1 Persediaan rapi diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri bagi memastikan detik pemasyhuran kemerdekaan bermakna kepada negara dan rakyat.</p> <p>(a) Namakan <b>dua</b> jawatankuasa yang dibentuk untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan.</p> <p>(i) .....</p> <p>(ii) .....<br/>[2markah]</p> <p>(b) Berdasarkan jawapan di 1(a), jelaskan tugas jawatankuasa tersebut.</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>[4markah]</p> <p>(c) Stadium Merdeka pernah dirancang untuk dirobohkan bagi memberikan laluan pada pembinaan projek komersial bersepadu.</p> <p>Sumber : <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/145814">https://www.sinarharian.com.my/article/145814</a></p> <p>Sebagai generasi muda yang cinta akan warisan sejarah, mengapakah anda perlu membantah usaha tersebut? Berikan alasan ada.</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>[4markah]</p> | <p><b>Ms 236-237</b></p> <p><b>(a)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Persediaan Fizikal</li> <li>• Jawatankuasa Sambutan</li> </ul> <p><b>(b)</b></p> <p><b>Jawatankuasa Persediaan Fizikal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan Stadium Merdeka</li> <li>• Pembinaan Istana Negara</li> <li>• Penciptaan lagu <i>Negaraku</i></li> <li>• Mereka bentuk bendera Persekutuan</li> <li>• Penggunaan Jata Negara</li> <li>• Penentuan bunga kebangsaan</li> </ul> <p><b>Jawatankuasa Sambutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghias bangunan dan jalan dengan lampu</li> <li>• Menyediakan pakaian seragam menteri dan pegawai tinggi kerajaan</li> <li>• Menganjurkan kursus protokol kepada 300 pegawai kerajaan</li> <li>• Beberapa jawatankuasa di wujudkan</li> </ul> <p><b>(c)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warisan sejarah negara</li> <li>• Simbol kebanggaan</li> <li>• Nilai estetika</li> <li>• Membangkitkan semangat patriotik</li> <li>• Tempat bersejarah tarikan pelancong</li> </ul> |
|--|--|

2 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa penting yang berlaku di negara kita.

| Tarikh       | Masa        | Peristiwa                 | Tempat                |
|--------------|-------------|---------------------------|-----------------------|
| 30 Ogos 1957 | 12.00 malam | Pemasyhuran Kemerdekaan   | Padang Kelab Selangor |
| 31 Ogos 1957 | 8.15pagi    | Perisytiharan Kemerdekaan | Stadium Merdeka       |

(a) Jelaskan secara ringkas acara sambutan yang berlaku pada tarikh 30 Ogos 1957?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[3markah]

(b) Bagaimanakah peristiwa di atas dapat dihayati oleh generasi kini?

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[3markah]

(c) Pernyataan berikut menggambarkan suasana sambutan kemerdekaan negara pada pagi 31 Ogos 1957. **(K11.4.8)**

Walaupun hujan turun, beribu-ribu orang yang membanjiri stadium tetap tidak berganjak untuk menantikan saat yang menggembirakan. Sumber : *Buku Teks Ting4 ms 240*

Pada pendapat anda, mengapakah upacara tersebut mendapat sambutan yang begitu menggalakkan?

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4markah]

**Ms238-241**

**(a)(i)**

- Lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi detik 12.00mlm
- Diikuti laungan merdeka oleh orang ramai
- Bendera Union Jack diturunkan
- Diringi Lagu God Save the Queen
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan
- Diiringi lagu “Negaraku”
- Menaikkan bendera PTM

**(b)**

- Memantapkan kedudukan subjek sejarah dalam sistem pendidikan negara
- Sambutan Bulan Kebangsaan/ Kemerdekaan/ Hari Pahlawan
- Pameran Sejarah
- Dokumentari
- Tayangan filem

**(c)**

- Membuktikan bebas dari penjajahan
- Menaikkan semangat patriotisme
- Menandakan kejayaan
- Menunjukkan kegembiraan
- Semangat kesepakatan



**TINGKATAN 5 - BAHAGIAN A**

**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

**1.1 Konsep Kedaulatan**

1. Perkataan berikut berkaitan dengan konsep Kedaulatan.

Daulah

Apakah maksud perkataan tersebut? **Ms 4**

- A Kuasa pemerintahan
- B Kepelbagaian bahasa
- C Kecemerlangan rakyat
- D Kesepaduan pendapat

2. Tokoh berikut mengaitkan konsep kedaulatan dengan semangat **Ms 4**



- A kejiranan
- B kekitaan
- C kebangsaan
- D kesederhanaan

3. Pernyataan berikut merujuk jenis kedaulatan

Kedaulatan terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja

Apakah jenis kedaulatan tersebut? **Ms 6**

- A Kedaulatan Moden
- B Kedaulatan Bahasa
- C Kedaulatan Ekonomi
- D Kedaulatan Tradisional

4. Bagaimanakah kedaulatan raja-raja Melayu pada zaman Kerajaan Melayu diperkukuhkan? **Ms 6**

- A Taat setia rakyat
- B Taraf pendidikan
- C Kefasihan bahasa
- D Kepelbagaian penduduk

5. Apakah kepentingan peristiwa berikut? **Ms 6**

- Revolusi England
- Revolusi Perancis


- A Kemajuan pendidikan
- B Keseragaman mata wang
- C Keruntuhan sistem demokrasi
- D Kemunculan idea negara bangsa

6. Apakah bukti yang menunjukkan kedaulatan negara kita diiktiraf dunia? **Ms 7**

- A Kebebasan bersuara
- B Kestabilan pentadbiran
- C Kemunculan masyarakat majmuk
- D Keanggotaan dalam pertubuhan dunia

**1.2 Ciri Negara yang Berdaulat**

7. Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara berdaulat.



Apakah X? **Ms 8 – 9**

- A Memiliki bahasa
- B Memiliki kekayaan
- C Memiliki kebebasan
- D Memiliki perundangan

8. Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Apakah buktinya? **Ms 8**

- A Perpaduan penduduk
- B Penduduk pelbagai kaum
- C Pelaksanaan pilihan raya
- D Pemerintahan berkuasa mutlak

9. Maklumat berikut berkaitan Institusi Beraja yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan.

- Yang di-Pertuan Agong
- Institusi Beraja Negeri
- X

Apakah X? **Ms 8**

- A Majlis Raja-Raja
- B Jemaah Menteri
- C Badan Perundangan
- D Persidangan Raja-raja

10 Malaysia berkongsi sempadan dengan negara jiran. Mengapakah penetapan sempadan penting terhadap sesebuah negara? **Ms 8**

- A Memudahkan pentadbiran
- B Mengawal pergerakan rakyat
- C Mengukuhkan hubungan diplomatik
- D Menghalang pencerobohan kuasa asing

**1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat**

11 Dasar pentadbiran negara Malaysia dilaksanakan oleh **Ms 10**

- A Parlimen
- B Peguam Negara
- C Jemaah Menteri
- D Badan kehakiman

12 Bagaimanakah kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri diwujudkan? **Ms 10**

- A Melatih pegawai berpengalaman
- B Melaksanakan sistem peperiksaan
- C Menganjurkan sesi persidangan
- D Mengagihkan kuasa pentadbiran

13 Pernyataan berikut berkaitan dengan pentadbiran negara kita.

Dasar pentadbiran negara dijalankan dengan herkesan tanna camnur tanna

Apakah faktor yang membolehkan keadaan tersebut? **Ms 10**

- A Kekuatan pertahanan
- B Pengukuhan hubungan luar
- C Kewujudan negara berdaulat
- D Pemantapan semangat kejiranan

14 Apakah sektor ekonomi yang diberi tumpuan dalam dasar pembangunan ekonomi selepas merdeka? **Ms 10**

- A Perikanan
- B Perdagangan
- C Perlombongan
- D Perladangan getah

15 Maklumat berikut merujuk dasar sosial negara selepas merdeka.

- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Bahasa Kebangsaan
- Dasar Sukan Negara

Apakah tujuannya

dasar tersebut diwujudkan?

**Ms 11**

- A Memajukan sistem pendidikan
- B Memupuk semangat muhibbah
- C Mengukuhkan kemahiran rakyat
- D Memantapkan hubungan diplomatik

16 Bagaimanakah hubungan berikut dapat dimantapkan? **Ms 11**

- Hubungan Diplomatik
- Hubungan Persahabatan

- A Penggubalan dasar luar
- B Penguatkuasa undang-undang
- C Pemantapan sistem pertahanan
- D Pemodenan sistem perhubungan

17 Dialog berikut mungkin berlaku semasa Waktu pengajaran mata pelajaran Sejarah.

|                |   |
|----------------|---|
| <b>Ah Meng</b> | Malaysia aktif dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.  |
| <b>Ramu</b>    | Pelibatan Malaysia ini memberi banyak manfaat kepada negara |

Apakah manfaat yang dimaksudkan? **Ms 11**

- A Meningkatkan imej negara
- B Memajukan sektor ekonomi
- C Meluaskan wilayah pengaruh
- D Memantapkan kemahiran rakyat

**1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan**

18 Pernyataan berikut menggambarkan usaha pemerintah dalam memakmurkan ekonomi negara.

Pelbagai usaha dan program dijalankan untuk memajukan ekonomi supaya ekonomi setiap kaum dapat diertingkatkan

Apakah langkah pemerintah untuk mencapai matlamat tersebut? **Ms 12**

- A Mewujudkan ekonomi kawalan
- B Mengagih kekayaan secara adil
- C Memajukan aktiviti perdagangan
- D Meningkatkan kemahiran penduduk

19 Petikan berikut merupakan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Apakah peranan rakyat dalam mencapai matlamat tersebut? **Ms 13**

“Kedaulatan negara bergantung kepada warganya yang bersatu.”

- A Meningkatkan produktiviti
- B Menguasai ilmu pengetahuan
- C Memilih pemimpin berketrampilan
- D Menyertai program kemasyarakatan

20 Mengapakah sambutan berikut diadakan? **Ms 14**

- Hari Pahlawan
- Hari Kebangsaan

- A Memupuk semangat patriotisme
- B Mengiktiraf hak kebebasan rakyat
- C Meningkatkan sikap berjimat-cermat
- D Membuktikan amalan demokrasi berparlimen

**BAHAGIAN B**

**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

1. Terdapat pelbagai tafsiran tentang konsep kedaulatan dari aspek bahasa mahu pun oleh pandangan tokoh.

(a) Nyatakan maksud kedaulatan mengikut bahasa berikut :

i) Bahasa Melayu :

.....

ii) Bahasa Arab :

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan takrif kedaulatan oleh tokoh-tokoh berikut :

i) Ibnu Khaldun :


.....

ii) Jean Bodin :

.....

[2 markah]

(c) Rajah berikut merujuk jenis-jenis kedaulatan.



Apakah

i) X : .....

ii) Y : .....

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda, mengapakah kedaulatan negara kita perlu dipertahankan?(K12.1.6)

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

**Ms 4 - 7**

(a)

- i) Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara
- ii) kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan

(b)

**i. Ibnu Khaldun**

- Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara
- Berasaskan semangat kekitaan bangsa
- Diiringi dengan kekuatan semangat beragama
- sesuatu bangsa rela berkorban demi mencapai cita-cita yang sama

**ii. Jean Bodin**

- Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara
- Kedaulatan bersifat kekal
- Mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat, mentafsir dan melaksanakan undang-undang

(c)

- i) Kedaulatan Undang-undang
- ii) Kedaulatan Antarabangsa

(d)

- Mewujudkan kestabilan politik
  - Membolehkan ekonomi negara berkembang pesat
  - Memudahkan usaha-usaha untuk pembangunan negara
  - Mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum
  - Rakyat dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni
  - Meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa
  - Berhak untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing
- Mana-mana jawapan munasabah*




*Tahukah anda?*

**Ibnu Khaldun**

- a) Seorang tokoh sejarawan dan pemikir Islam dalam bidang sosial, politik, pendidikan dan falsafah yang diiktiraf oleh seantero dunia.
- b) Dilahirkan di Tunisia pada 1332 Masihi
- c) Pengasas kajian sejarah moden, sosiologi dan ekonomi.
- d) Pandangan Ibnu Khaldun turut dikagumi bukan sahaja oleh tamadun Islam tetapi juga dunia Barat.

**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

2. Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara berdaulat



(a) Apakah

- i) X: .....
- ii) Y: .....

[2 markah]

(b) Jelaskan tentang ciri-ciri negara berdaulat berikut :

i) Mempunyai rakyat:

.....  
 .....

ii) Mempunyai sempadan :

.....  
 .....

[4 markah]

(c) Kedaulatan negara kita dapat dilihat melalui Institusi Beraja. Berikan ulasan anda.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

**Ms 8-9**

(a)

- i) X : Mempunyai Pemerintahan
- ii) Y : Mempunyai Undang-undang

(b)

**i) Mempunyai Rakyat**

- Merupakan penduduk di sesebuah negara
- Terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah
- Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam
- Rakyat disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama

**ii) Mempunyai Sempadan**

- Merupakan garis pemisah antara negeri atau negara
- Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina
- Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa khususnya PBB
- Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi

(c)

- Raja merupakan simbol perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara kita
- Raja menjadi harapan rakyat dan pemelihara kepentingan negara
- Raja merupakan ketua dalam segala perkara seperti ketua negara, ketua negeri dan ketua agama
- Kesetiaan diberikan kepada raja sebagai pelindung rakyat
- Kesetiaan kepada raja menjadi teras pembinaan negara bangsa yang berdaulat
- Kedudukan Raja-raja tidak akan dipersoalkan
- Raja berdaulat dan berkuasa penuh terhadap negeri masing-masing
- Kedudukan raja termaktub dalam Perlembagaan Malaysia
- Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong

3. Pernyataan berikut menerangkan kepentingan kedaulatan.

Kedaulatan merupakan perkara asas dalam sesebuah negara. Kedaulatan amat penting kerana ia dianggap satu aset bagi mempertahankan kemerdekaan dan ketuanan negara untuk tidak terus dijajah atau di'jajah'. Dalam konteks Malaysia, kedaulatan memainkan peranan yang penting sehingga meletakkan negara amat dihormati oleh pihak luar. Kedaulatan Malaysia turut diperkukuhkan melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Program tersebut yang digerakkan bertujuan menjana generasi muda supaya menjiwai nilai-nilai patriotisme, kenegaraan, dan solidariti yang dijangka mampu mengukuhkan lagi benteng kedaulatan negara.

**Mohd. Ainuddin Iskandar**  
**Jabatan Hubungan Antarabangsa**

(a) Mengapakah kedaulatan penting buat sesebuah negara ? [6 markah]

(b) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat bagi mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. [6 markah]

(c) Sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda mempertahankan kedaulatan negara kita ? [8 markah]

**Ms 10 – 15**

**(a)**

Maklumat daripada pernyataan

- Perkara asas dalam sesebuah negara.
- Satu aset bagi mempertahankan kemerdekaan dan ketuanan negara untuk tidak terus dijajah atau di'jajah'
- Meletakkan negara amat dihormati oleh pihak luar

**i) Keberkesanan Pentadbiran**

- Negara bebas menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar

**ii) Kemakmuran Ekonomi**

- Membolehkan negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi

**iii) Kesejahteraan Sosial**

- Membolehkan negara melaksanakan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat

**iv) Kecemerlangan Hubungan Luar Negara**

- Memberikan hak kepada negara untuk menjalin hubungan dengan negara lain  
*Mana-mana berkaitan*

**(b)**

**i) Peranan Pemerintah**

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- Menjalankan pelbagai usaha dan program untuk kemajuan ekonomi
- Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran

**ii) Peranan Rakyat**

- Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara
- Memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan semua usaha dan program yang dilaksanakan pemerintah
- Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik
- Mematuhi undang-undang negara  
*Mana-mana berkaitan*

**(c)**

- Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara
- Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik
- Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua
- Mematuhi undang-undang negara
- Menggunakan bahasa kebangsaan
- Menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum
- Memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum  
*Mana-mana munasabah*

**BAHAGIAN A**

**BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan**

1 Berikut merupakan contoh undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu. **Ms 22**

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-undang 99 Perak

Apakah kepentingan undang-undang tersebut ?

- A Simbol perpaduan kaum  
 B Asas kepada perlembagaan  
 C Lambang kemerdekaan negara  
 D Lambang keagungan pemerintah
- 2 Pernyataan yang manakah boleh di kaitkan dengan perlembagaan negara kita? **Ms 22**

- A Yang Dipertuan Agong menentukan Perlembagaan Persekutuan  
 B Undang-undang negeri tidak terikat dengan Perlembagaan Persekutuan  
 C Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi  
 D Parti politik menggubal undang-undang

3 Pada tahun 1959, Perlembagaan Sarawak telah memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada dua buah majlis. Apakah majlis tersebut ? **Ms 24**

- I Majlis Kerja  
 II Majlis Negeri  
 III Majlis Tertinggi  
 IV Majlis Undangan

- A I dan II                      C II dan III  
 B I dan IV                     D III dan IV

**2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan.**

4 Apakah peranan parlimen dalam pentadbiran negara kita ? **Ms 25**

- A Menggubal perlembagaan  
 B Melantik pemimpin negara  
 C Melaksanakan pilihan raya  
 D Mengekalkan kedaulatan negara

5 Jadual berikut menunjukkan sejarah penggubalan Perlembagaan negeri Melayu

| 1946                                 |                        |
|--------------------------------------|------------------------|
| Negeri                               | Majlis                 |
| Negeri-negeri Selat                  | Majlis Undangan Negeri |
| Negeri-negeri Melayu Bersekutu       | Majlis Persekutuan     |
| Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu | X                      |

Apakah badan X? **Ms 26**

- A Majlis Kerja  
 B Majlis Diraja  
 C Majlis Negeri  
 D Majlis Tertinggi

6 Apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ? **Ms 26**

- A Majlis raja-raja Melayu bersidang  
 B Rakyat menyuarakan pandangan  
 C Pembentukan sebuah persekutuan  
 D Parlimen diberikan kuasa perundangan

7 Apakah terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ? **Ms 27**

- A Kemantapan hubungan luar  
 B Kewarganegaraan yang sama  
 C Pengukuhan perpaduan kaum  
 D Pengekalan kedaulatan negara

**2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan**

8 Maklumat berikut merujuk kepada kuasa pemerintahan.

- *Membuat pelantikan jawatan utama negara*
- *Mempunyai kuasa mengampun dan menanggungkan hukuman orang ~~dicabitkan kesalahan oleh mahkamah~~*

Bidang kuasa tersebut terletak pada **Ms 28**

- A Perdana Menteri  
 B Badan Kehakiman  
 C Yang di-Pertuan Negeri  
 D Yang di-Pertuan Agong

9 Ah Heng dilahirkan di Pulau Pinang. Menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, apakah status kewarganegaraan Ah Heng? **Ms 28**

- A Rakyat biasa
- B Rakyat sultan
- C Rakyat British
- D Rakyat Persekutuan

10 Apakah yang menjadi asas perlembagaan baharu untuk Persekutuan Malaysia 1963? **Ms 28**

- A Undang-undang British
- B Perlembagaan Tanah Melayu 1957
- C Undang-undang Negeri-Negeri Selat
- D Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

11 Apakah ciri-ciri moden dalam perlembagaan Persekutuan 1948? **Ms 29**

- I Pemerintahan beraja
- II Sistem persekutuan
- III Amalan demokrasi
- IV Kedudukan bahasa kebangsaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Bagaimanakah seseorang mendapat kerakyatan British sebelum 1948? **Ms 29**

- A Lahir di Negeri-Negeri Selat
- B Mahir berbahasa Inggeris
- C Cemerlang dalam perkhidmatan
- D Menetap di Negeri-Negeri Melayu

**2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965**

13 Jadual berikut berkaitan dengan perkembangan sejarah tanah air.

| Tahun | Peristiwa                      |
|-------|--------------------------------|
| 1965  | Singapura keluar dari Malaysia |

Bagaimanakah peristiwa tersebut dilaksanakan? **Ms 31**

- A Sokongan rakyat
- B Pindaan perlembagaan
- C Arahan Perdana Menteri
- D Perkenan Yang di-Pertuan Agong

14 Bagaimanakah kewarganegaraan seseorang dalam persekutuan 1948 diterima dan mendapat Kerakyatan British? **Ms 31**

- A Lahir di Pulau Langkawi
- B Lahir di Kuala Lumpur

- C Lahir di Pulau Pinang
- D Lahir di Selangor

15 Bagaimanakah pindaan perlembagaan di lakukan? **Ms 30**

- A Mengubah keseluruhan isi kandungan Perlembagaan
- B Mengubah klausa lama bagi negeri yang sedia ada
- C Menyesuaikan peruntukan negeri yang baharu
- D Mengubah kedudukan negeri yang sedia ada

Singapura berpisah dari Malaysia pada tahun 1965

16 Apakah tujuan pemisahan tersebut? **Ms 30**

- A Melaksanakan sistem demokrasi
- B Mengukuhkan kedaulatan
- C Mengekalkan perpaduan
- D Memantapkan pertahanan

17 Mengapakah perlembagaan penting kepada negara kita? **Ms 30**

- A Menjadi teras sistem pemerintahan
- B Melambangkan amalan demokrasi
- C Mengiktiraf kewibawaan pemimpin
- D Menyeragamkan sistem ekonomi

18 Mengapakah Perlembagaan Tanah Melayu dipinda pada tahun 1963? **Ms 31**

- A.Pembentukan Malaysia
- B.Ancaman komunis
- C.Arahan kerajaan British
- DPermintaan rakyat tempatan

19 Apakah kesan pindaan perlembagaan persekutuan 1963? **Ms 31**

- A.Mewujudkan jawatan Yang Di Pertua negeri
- B.Memisahkan Singapura dari Malaysia
- C.Mengukuhkan kedudukan British
- D.Menamatkan konfrantasi Indonesia

20.Apakah perkara yang dipinda dalam Perlembagaan 1965? **Ms 31**

- I Imigresan
- II Pendidikan
- III Kesihatan
- IV Hubungan luar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**BAHAGIAN B**

**BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

1 Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi dan lambang kedaulatan sesebuah negara.

(a) Berikan tiga undang-undang bertulis yang terdapat di negeri-negeri Melayu

- i .....
- ii .....
- iii .....

[3 markah]

